

## KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
JAWAB LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM  
DEWAN (SOALAN NO. 2, 4, 6, 9 HINGGA 71 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 12  
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[ JELUTONG ]

TARIKH

5 APRIL 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan perkembangan terkini dalam pelaksanaan *broadband* berteraskan 4GLTE (*Long Term Evolution*). Siapakah pelesen-pelesen 4GLTE yang ditauliahkan dan bilakah 'assignment of spectrum' bagi blok-blok 2.6GHz dapat disempurnakan untuk menjamin pelaksanaan secara komersial.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelesen-pelesen yang dipertimbangkan untuk terbabit dengan pelaksanaan 4GLTE di jalur 2.6GHz adalah terdiri daripada pengusaha- pengusaha rangkaian sedia ada dan juga pengusaha baru. Pelaksanaan jalur lebar berteraskan 4GLTE sedang diuruskan dengan peruntukan spektrum 2.6GHz ini akan disempurnakan setelah syarat-syarat

## SOALAN NO: 2

peruntukan spektrum dimuktamadkan dan selesainya pengosongan jalur tersebut pada akhir tahun 2012 ini oleh pelesen sedia ada.

## SOALAN NO.4

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARI PAD A TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH**  
**[SUBANG]**

**TARIKH 5 APRIL 2012 (KHAMIS)**

### SOALAN

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membatalkan semua permit teksi yang diberikan kepada syarikat-syarikat secara berkelompok dan menawarkan permit teksi hanya kepada individu yang membawa teksi.

#### SOALAN NO.4

**JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJ1 MASLAN**  
**TIMBAL AN MENTERI PI JABATAN PERDANA**  
**MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai 1 Januari 2010, Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah membekukan semua permohonan baru bagi permit teksi bajet dan kereta sewa kepada syarikat mahupun individu.

S.P.A.D. sekarang ini sedang menjalankan kajian secara menyeluruh terhadap industri teksi bagi mempertingkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan teksi di Malaysia. Skop kajian yang dinamakan sebagai Pelan Penambahbaikan Teksi ini turut merangkumi aspek-aspek:

- (i) Menentukan tahap keseimbangan di antara permintaan dan penawaran perkhidmatan;
- (ii) Mengenalpasti potensi penggabungan kelas lesen bagi memastikan tahap penggunaan teksi yang optimum;
- (iii) Mewujudkan mekanisma/kaedah khas bagi menyemak dan

## SOALAN NO.4

meneliti kadar tambang yang boleh digunapakai;

- (iv) Mewujudkan pengkalan data yang lengkap bagi pemandu teksi;
- (v) Mengenalpasti penggunaan teknologi yang bersesuaian seperti skrin infotainment, GPS dan WIFI bagi memastikan tahap kecekapan operasi teksi; dan
- (vi) Mengenalpasti rekabentuk serta spesifikasi yang sesuai untuk sesebuah kenderaan teksi contohnya untuk penumpang OKU.
- (vii) Mengkaji kemungkinan skim perlindungan khas melalui PERKESO atau skim lain bagi menjaga kebajikan pemandu.

Selain daripada itu, kajian ini turut mengambilkira isu pemberian permit teksi kepada syarikat-syarikat dan juga pemberian permit teksi

kepada individu. Hasil daripada laporan kajian ini yang dijangka selesai pada bulan Oktober 2012 akan digunakan untuk membantu S.P.A.D dalam mengenal pasti permintaan dan menentukan penawaran teksi yang optima.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO.4**

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN**

**KEDUA BELAS (2012)**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN**

**Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [**

**LEDANG]**

**TARIKH  
SOALAN**

**5 APRIL 2012**

minta **MENTERI SAINS, <sup>5</sup> TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menggalakkan golongan penyelidik meningkatkan mutu R&D mereka supaya lebih mudah dikomersialkan dan apakah ganjaran yang diberikan kepada mereka yang berjaya.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di - Pertua,**

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan lebih banyak hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) dikomersialkan bagi membantu pertumbuhan ekonomi negara. Bagi tujuan ini, ekosistem R&D telah dan sedang dimantapkan agar galakan sewajarnya dapat diberikan kepada para penyelidik untuk meningkatkan mutu R&D mereka bagi memastikan R&D berorientasikan pasaran serta mempunyai impak yang tinggi.



Dalam usaha itu, langkah-langkah yang telah digunakan oleh pihak kerajaan adalah:

1. Menyediakan dana-dana seperti *TechnoFund*, *InnoFund*, *ScienceFund*, Dana Pengkomersilan R&D (CRDF), Dana *Technology Application Program (TAP@MOSTI)* dan dana *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)*. MOSTI telah menetapkan mekanisme bagi memastikan penerima dana *TechnoFund*, *InnoFund* dan *ScienceFund* untuk menepati kriteria-kriteria tertentu dalam usaha untuk meningkatkan kualiti penyelidikan R&D yang dijalankan;
2. Menyediakan kemudahan seperti inkubator di *Technology Park Malaysia (TPM)*, *BiotechCorp*, *Multimedia Development Corporation (MDeC)*, *Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)* dan *SIRIM Berhad* serta pusat pengujian di *SIRIM Berhad* dan *MIMOS Berhad*;
3. Menjalankan sesi pepadanan perniagaan di antara pihak penyelidik dan pihak industri dengan kerjasama agensi-agensi di bawah MOSTI seperti *SIRIM*, *Technology Park Malaysia (TPM)*, *MTDC*, *BiotechCorp*, *MIMOS* dan *Multimedia Development Corporation (MDeC)*;
4. Menggalakkan kolaborasi antara MOSTI melalui agensi-agensinya seperti *IPHARM*, *MGI*, *ABI*, *SIRIM*, *BiotechCorp*, *MdeC* dan *TPM* dengan penyelidik, pihak universiti, institusi penyelidikan dan industri;
5. Menjalankan khidmat nasihat dan bimbingan seperti yang dijalankan oleh *TPM* bagi pembangunan usahawan bioteknologi herba;

6. Melancarkan pangkalan data *Knowledge Resources for Science and Technology Excellence, Malaysia* (KRSTE.my) bagi membantu penyelidik mengenal pasti maklumat mengenai pakar dalam bidang STI dan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh penyelidik tempatan. *Top Research Scientist Malaysia* (TRSM) pula dilancarkan bagi memberi pengiktirafan dan *showcase* pencapaian penyelidik tempatan sebagai *role model* kecemerlangan, mentor kepada generasi akan datang dan pemimpin untuk memacu agenda STI negara; dan
7. Penganjuran pameran-pameran produk/teknologi R&D tahunan oleh institusi-institusi penyelidikan dan IPTA, Kementerian Pengajian Tinggi, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) sempena Hari Harta Intelek dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti *Malaysian Invention And Design Society* (MINDS) dan Persatuan Penyelidik dan Saintis Malaysia (MARS).

**Tuan Yang Di Pertua,**

Sebagai ganjaran kepada penyelidik-penyelidik yang telah berjaya, Kerajaan telah memperkenalkan insentif di bawah Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Bagi Projek R&D Yang Dibiayai oleh Kerajaan Malaysia. Sebagai contoh, mereka layak dibayar RM500 bagi pendedahan ciptaan (*disclosure of invention*)] RM5,000 bagi pemfailan paten; dan RM10,000 apabila paten didaftarkan (*granted*). Selain itu, penyelidik/pencipta juga

layak menerima perkongsian ganjaran/kekayaan apabila ciptaan mereka dikomersialkan. Perkara ini juga dimuatkan dalam garis panduan permohonan dana *TechnoFund*, *InnoFund* dan *ScienceFund* yang telah dikemaskini pada 1 Januari 2012.

Selain daripada itu, anugerah juga diberikan kepada saintis seperti:

1. National Innovation Award;
2. Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama Sektor Awam dengan Sektor Swasta;
3. MTSF Science & Technology Award;
4. Anugerah Sains Negara;
5. National Young Scientist Award;
6. Malaysia Nuclear Innovation Award;
7. Anugerah Juruteknologi Negara 2012; dan
8. Mahathir Science Award



**SOALAI NO, : 6****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN****PERTANYAAN****RAKYAT****DARI PADA****KAWASAN****LISAN****TARIKH****YB. DR. MOHD. HATTA BIN MD. F AMM****KUALA KRAI 5 APRIL 2012 (KHAMIS)****SOALAN:**

**YB. DR\* MO HD. HATTA BIN MD. RAMLI (KUALA CRAII)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan usaha tebatan banjir yang dilakukan bagi mengatasi banjir daripada Sungai Durian di jalani utama Kuala Krai ke Kota Bharu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, jajaran jalan Persekutuan FT08 di Kuala Krai, Kelantan sememangnya berada di kawasan muka bumi yang rendah dan terdedah kepada risiko lejadiarn banjir. Namun demikian, Kementerian Kerja Raya telah menjalankan kajian di laluan berkenaan dan mendapati 2 unit jambatan berad; dalam keadaan usang dan perlu dinaikkan taraf, iaitu jambatan Sg. Dur an dan Sg. Kenor yang terletak antara seksyen 340 hingga seksyen 345, Jalan Kuala Krai \* Kota Baharu. Pada masa kini struktur jambatan-jambatan yang berusia melebihi 50 tahun itu tersebut terletak di kawasan yang rendah dan tidak lagi mampu menampung kapasiti air, terutama semasa musim tengkujuh.

Sehubungan itu, untuk tempoh jangka pendek kementerian ini sedang menimbang cadangan untuk mengganti dan menaik taraf kedua-dua jambatan tersebut di bawah Program Penggantian Jambatan-jambatan Usang dalam *Rolling Plan* Ketiga, RMKe-10. Anggaran kos projek yang terlibat untuk menggantikan kedua-dua jambatan tersebut ialah sebanyak RM10 juta, termasuk kos pengambilan balik tanah, pengalihan utiliti dan kos menaik taraf jalan yang menghubungkan kedua-dua jambatan itu, iaitu sepanjang 1 kilometer. Pelaksanaan kedua-dua projek itu dijangka akan dimulakan sebaik sahaja kementerian ini selesai berunding dan menerima kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).

Manakala bagi tempoh jangka panjang pula, Kerajaan pada masa

kini sedang dan akan menaik taraf keseluruhan jajaran Jalan Persekutuan *Central Spine*, termasuk jalan Persekutuan 8 sedia ada, iaitu carlpada Kota Bharu ke Kuala Krai sepanjang 73.5 kilometer. Pelaksanaar prcjelk ini akan dilaksanakan setelah pakej-pakej projek *Central Spim* untuk bahagian Negeri Pahang disiapkan terlebih dahulu\* Namun demikian, dalam masa yang sama, Kerajaan juga melalui Unit Kerjasama Aw am dan Swasta (UKAS), ] aba tan Perdana Menteri sedang mempertimf angkan cadangan oleh pihak swasta yang berminat untuk meaksanakan projek Jalan Kota Bharu-Kuala Krai menerusi kaedah penswastaan, Wailau bagaimanapun pelaksanaan projek ini tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan oleh Jemaah Menteri.

Sekian. Terima kasih.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH 5 APRIL 2012 (KHAMIS)  
DARIPADA Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO  
[HULU RAJANG]

#### **SOALAN**

**Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah**

langkah Kerajaan untuk memastikan pengitaran semula sampah sarap yang dibuat daripada bahan seperti aluminium, kaca dan plastik dijalankan oleh semua lapisan masyarakat serta industri.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa kini hanya sebilangan kecil sahaja aktiviti kitar semula dijalankan di punca yang melibatkan kutipan surat khabar lama, kadbod, tin-tin aluminium dan botol (plastik dan gelas) oleh isi rumah, pejabat dan industri oleh pengutip barangan kitar semula. Kontraktor kutipan sisa pepejal juga mengutip barangan kitar semula. Mereka menjalankan kutipan sisa. Sekiranya barangan ini sampai ke tapak pelupusan, maka ianya dikutip oleh *scavengers*.

Pada masa yang sama, barangan kitar semula boleh dihantar terus ke pusat pengumpulan yang dikendalikan oleh pengusaha barangan kitar semula, NGO atau syarikat konsesi. Walau bagaimanapun, kaedah ini didapati kurang berkesan.

Dengan penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), Kerajaan akan memperkenalkan sistem pengasingan di punca dan penggunaan kaedah kutipan 2 + 1, yang mana 1 hari kutipan dikhususkan kepada barangan kitar semula. Seterusnya Kerajaan akan mewujudkan Sistem Terima Balik dan Sistem Bayaran Baik Deposit. Di bawah sistem ini, menjadi tanggungjawab pengeluar dan pengilang industri untuk mengitar semula barangan keluaran mereka sesuai dengan konsep Tanggungjawab Lanjutan Pengeluar.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Mac 2012

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>YB TIONG THAI KING (LANANG)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>5 APRIL 2012</b>
<b>SOALAN</b>	<b>13</b>

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan bilakah kerajaan akan menyediakan bekalan elektrik kepada seluruh rumah panjang di luar bandar kawasan Parlimen P.211 Lanang.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian sedar bahawa liputan bekalan elektrik di kawasan luar bandar negeri Sarawak dan Sabah masih rendah berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung. Bagi memperbaiki keadaan ini, Kerajaan di bawah tempoh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dari tahun 2010 sehingga 2012 telah menyasarkan untuk mencapai liputan 95% bekalan elektrik 24 jam di negeri Sarawak. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan ini, kira-kira 55,55 buah rumah tambahan di negeri Sarawak akan disambung bekalan elektrik.

Khusus bagi kawasan Parlimen Lanang, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan 3 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) untuk dilaksanakan pada tahun 2012 melibatkan penyambungan bekalan elektrik kepada 53 buah rumah dengan kos berjumlah RM

619,296.30. Kerja- kerja di tapak bina telah dimulakan pada 4 Julai 2011 dan Kementerian menjangkakan pelaksanaan projek ini dapat disiapkan pada 3 Januari 2013.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN PEWAN RAKYAT MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>YB TIONG THAI KING (LANANG)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>5 APRIL 2012</b>
<b>SOALAN</b>	<b>13</b>

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bilakah kerajaan akan menyediakan bekalan elektrik kepada seluruh rumah panjang di luar bandar kawasan Parlimen P.211 Lanang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian sedar bahawa liputan bekalan elektrik di kawasan luar bandar negeri Sarawak dan Sabah masih rendah berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung. Bagi memperbaiki keadaan ini, Kerajaan di bawah tempoh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dari tahun 2010 sehingga 2012 telah menyasarkan untuk mencapai liputan 95% bekalan elektrik 24 jam di negeri Sarawak. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan ini, kira-kira 55,55 buah rumah tambahan di negeri Sarawak akan disambung bekalan elektrik.

Khusus bagi kawasan Parlimen Lanang, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan 3 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) untuk dilaksanakan pada tahun 2012 melibatkan penyambungan bekalan elektrik kepada 53 buah rumah dengan kos berjumlah RM 619,296.30. Kerja-kerja di tapak bina telah dimulakan pada 4 Julai 2011 dan Kementerian menjangkakan pelaksanaan projek ini dapat disiapkan pada 3 Januari 2013.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISA</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>N</b>
<b>TARIKH</b>	<b>Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)</b>
	<b>05.04.2012</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa Kerajaan Persekutuan menolak permohonan Sekolah Yak Chee, Katolik dan Autisma untuk membina sekolah di atas tapak tanah di Taman Tasik Prima Puchong dan sama ada diadakan siasatan dan dialog dengan pihak berkenaan sebelum permohonan ditolak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Isu permohonan Sekolah Yak Chee, Khatolik dan Autisme sepatutnya tidak ditimbulkan kerana tapak rizab pendidikan di Taman Tasik Prima, Puchong ini telah dicadangkan terlebih dahulu sebagai tapak bagi pembinaan SK dan SMK Taman Prima, Puchong. Dalam hal ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses permohonan berserta bayaran pendaftaran pemberimilikan keseluruhan tanah seluas 13 ekar telah pun dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).



Kementerian Keuangan yang berkuat kuasa sekarang.

Soalan No : 15

**PEMBERITAHKAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

SOMAN NO .£ 16

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB. DATO\* KAMARUDIN BIN JAFFAR**

**KAWASAN**

**TUMPAT**

**TARIKH**

**5 APRIL 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**YB. DATO\* KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian masih mempunyai perancangan untuk memblna lebuh raya antara Ko a Bham - Kuala Krai.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Membina Jalar dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan merupakan sebahagian dari jajaran Jalan *Central Spine* Semenanjung Malaysia yang sememangnya termasuk dalam perancangan Kerajaan untuk dinaikkan taraf sejak dari tempoh RMKe-9 lagi.

Skop asal projek tersebut ialah membina jalan baru enripat lorong dua hala dengan reka bentuk piawaian JKR R5 sepanjang 73.5 kilometer, termasuk pembinaan struktur jalan bertingkat sepanjang 4 kilometer berhampiran Kota Bharu. Walau bagaimanapun berikutan daripada anggaran kos projek yang terlalu tinggi, Kerajaan telah memutuskan supaya skop projek berkenaan diteliti semula. Ini termasuklah cadangan kemungkinan untuk menaik taraf jajaran Jalan Persekutuan 8 (FT08) yang sedia ada daripada Kota Bharu ke Kuala Krai. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga melalui Unit ICerjasama Awam dan Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri sedang mempertimbangkan cadangan projek ini untuk dilaksanakan menerusi kaedah penswastaan. Namun demikian, ia tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan oleh Jemaah Menteri.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**TARIKH**

**SOALAN**

**JAWAB LISAN**

**Y.B. TUAN KAMALANATHAN  
A/L PANCHANATHAN (HULU  
SELANGOR)**

**5 APRIL 2012 17**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan jumlah rumah baru yang telah di bina untuk penduduk-penduduk kampung Orang Asli di Daerah Hulu Selangor sejak 2000 sehingga sekarang dan apakah perancangan untuk membina lebih lagi rumah-rumah dan menambahbaik taraf infrastruktur untuk masyarakat Orang Asli di Daerah Hulu Selangor dalam masa terdekat.

## **JAWAPAN :**

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sangat mengambil perhatian terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya. Merujuk kepada soalan Yang Berhormat berkaitan jumlah rumah baru yang telah di bina di kawasan perkampungan Orang Asli Daerah Hulu Selangor dari tahun 2000 hingga 2011 ialah sebanyak 199 unit. Bagi tahun 2012 pihak JAKOA akan melaksanakan pembinaan empat (4) unit rumah di mana melibatkan pembinaan dua (2) unit rumah di Kampung Orang Asli Gurney dan dua (2) unit rumah di Kampung Orang Asli Kerling.

Adalah menjadi hasrat pihak Kerajaan untuk membina lebih banyak lagi rumah di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) kepada masyarakat Orang Asli yang layak dan memerlukannya bukan sahaja di Daerah Hulu Selangor malah di seluruh Semenanjung Malaysia. Dalam hal ini pihak Kementerian menerusi JAKOA perlu mengkaji serta meneliti keperluan rumah PBR ini pada setiap tahun dan mengagihkannya mengikut

keutamaan.

Di atas keprihatinan YAB Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke perkampungan Orang Asli Kuala Woh, Tapah Perak pada 17 Mac 2012, beliau telah mengumumkan peruntukan khas berjumlah RM30 juta bagi pelaksanaan projek-projek infrastruktur di kawasan perkampungan Orang Asli seluruh Malaysia.

Selaras dengan pengumuman tersebut pihak Kementerian menerusi JAKOA telah mengenal pasti keperluan-keperluan untuk menambah baik kemudahan infrastruktur di kawasan perkampungan Orang Asli termasuk di Daerah Hulu Selangor. Antara projek-projek yang dikenal pasti untuk dilaksanakan ialah membina Dewan Orang Ramai di Kampung Tun Abdul Razak, menaiktaraf jalan premix di Kampung Changkat Bintang dan Bukit Manchong, membina dataran kejut di Kampung Gerachi Jaya, menaik taraf balairaya di Kampung Changkat Bintang dan Bukit Manchong.

Untuk makluman Yang Berhormat, dengan mengambil kira peruntukan tambahan (RM30 juta) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini serta peruntukan di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) yang disalurkan oleh pihak

Kementerian (RM16.6 juta) pada tahun ini, menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima oleh JAKOA bagi pembangunan masyarakat Orang Asli adalah berjumlah RM160.6. Perkara ini membuktikan bahawa pihak Kerajaan amat prihatin dan tidak sekali-kali meminggirkan kumpulan minoriti ini selaras dengan slogan "Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan."

NO SOALAN V&

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA** : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
(SELAYANG)

**PERTANYAAN** : LISAN

**TARIKH** : 05.04.2012

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan duti import dan eksais yang di kumpul sejak 1985 dan sebab-sebab untuk mengekalkan kewajipan duti import dan eksais tersebut setelah PROTON telah dijual kepada DRB-HICOM.

#### JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan duti import dan duti eksais dari tahun 1985 hingga 2011 adalah sebanyak RM234 bilion iaitu duti import sebanyak RM95 bilion dan duti eksais sebanyak RM145 bilion.

NO SOALAN: 219

2. Berhubung dengan soalan sama ada kewajipan duti import dan duti eksais dikekalkan setelah PROTON dijual kepada DRB-HICOM, ia adalah tidak berbangkit. Ini memandangkan PROTON masih kekal menjalankan aktiviti pengilangan kenderaan dan dengan itu sebagai suatu syarikat pengilangan, ia dikenakan membayar duti import ke atas komponen dan duti eksais ke atas keluaran siapnya.

*n*

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA** : Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH  
(DUNGUN)

**PERTANYAAN** : LISAN

**TARIKH** : 05.04.2012

Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH [ DUNGUN ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) yang membabitkan diri dalam usaha membantu rakyat bagi memenuhi Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan nyatakan projek-projek yang telah dilaksanakan serta jumlah sumbangan bagi tahun 2011.

#### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) khususnya GLC-GLC terbesar yang diletakkan di bawah Program Transformasi

GLC (Program GLCT) atau dikenali sebagai G20 sememangnya terbabit dalam pelbagai inisiatif tanggungjawab korporat (*corporate responsibility*), sama ada dalam program peringkat nasional ataupun program-program tersendiri yang dijalankan di peringkat syarikat masing-masing.

2. Sepanjang tahun 2011, Kumpulan G20 telah membelanjakan kira-kira RM2.2 bilion untuk melaksanakan pelbagai inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat. Di antara program Tanggungjawab Sosial Korporat peringkat nasional yang melibatkan GLC adalah Program Pengambilan Sekolah Angkat (PINTAR) dan Program Pembasmian Kemiskinan Sejahtera.

3. Melalui Program PINTAR, setakat akhir tahun 2011, 34 buah syarikat yang majoritinya terdiri daripada GLC telah mengambil 228 buah sekolah seluruh negara sebagai sekolah angkat yang memberi manfaat kepada kira-kira 114,000 orang murid. Program Sejahtera pula telah memberi faedah kepada 2,746 buah keluarga miskin di beberapa kawasan di negeri Pahang, Kelantan, Kedah, Sabah dan Sarawak, melalui beberapa program antara lainnya penyediaan rumah, peluang punca pendapatan dan kemahiran baru serta pendidikan.

4. Di samping itu, bagi peringkat syarikat pula, anggota Kumpulan G20 menjalankan pelbagai aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat tersendiri, di antaranya dalam bidang pendidikan dan peningkatan kemahiran, pembasmian kemiskinan, membantu golongan yang kurang bernasib baik dan pemeliharaan alam sekitar.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

TUAN MOHSIN  
[BAGAN SERAI]

FADZLI BIN HAJI SAMSURI

TARIKH

5 APRIL 2012

TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah yang realistik untuk

**NO. SOALAN: 21**

meningkatkan pendapatan penduduk dalam menangani kenaikan harga barangan harian.

**JAWAPAN:**

Kadar inflasi negara adalah terkawal pada 3.2 peratus setahun pada tahun 2011. Ini menunjukkan kebijaksanaan Kerajaan dalam mengurus ekonomi negara secara cekap dan berkesan. Namun begitu, Kerajaan sedar bahawa golongan berpendapatan rendah sering menghadapi tekanan untuk menyara hidup. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan kualiti hidup golongan berpendapatan rendah adalah terjamin. Antara langkah yang dilaksanakan termasuklah:

- i. memberi subsidi harga ke atas barang-barang keperluan seperti beras, gula, tepung, petrol dan diesel;



- ii. kawalan harga ke atas barangan keperluan asas yang digunakan oleh isi rumah seperti tepung gandum, minyak masak, susu pekat manis, roti dan ayam serta meningkatkan penguatkuasaan pemantauan harga supaya harga stabil dan berpatutan;
- iii. menjalankan pemeriksaan secara fizikal di premis perniagaan bagi menentukan tiada pengeluar atau peniaga yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan serta kegiatan menyorok barangan. Ini termasuklah mendapatkan komitmen daripada para pengeluar, pemborong dan peruncit untuk tidak menaikkan harga;
- iv. melaksanakan inisiatif khusus bagi membantu isi rumah berpendapatan rendah meliputi:
  - a. meneruskan subsidi bil elektrik RM20 bagi pengguna domestik di bawah 200/kWh sebulan;
  - b. pemberian bantuan BR1M sebanyak RM500 kepada isi rumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah; dan
  - c. memperluas Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) meliputi keperluan harian pengguna pada harga sehingga 40% lebih rendah;
- v. menyediakan dan memperluaskan pembiayaan perniagaan dan

keusahawanan melalui skim pinjaman kredit mikro bagi membuka peluang yang lebih luas kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk memula dan mempertingkatkan perniagaan mikro;

- vi. mewujudkan hub pekerjaan bagi menyediakan bimbingan kerjaya dan mengendali program penempatan kerja di kawasan yang mana peluang pekerjaan adalah terhad serta mengadakan penjadohan pekerjaan seperti melalui portal JobsMalaysia;
- vii. menyedia dan memperluaskan program peningkatan kapasiti dan kapabiliti meliputi program pendidikan dan latihan kemahiran untuk meningkatkan peluang golongan ini mendapat pekerjaan;
- viii. memperkenalkan Skim Amanah Rakyat 1 Malaysia (SARA 1 Malaysia) yang memanfaatkan 100,000 isi rumah berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan;
- ix. memperkemas dan memperkukuhkan jaringan keselamatan sosial bagi memperkukuhkan kedudukan ekonomi rakyat, khususnya golongan berpendapatan 40 peratus terendah. Antara program-program yang diperkenalkan adalah skim insurans 1Azam yang memberi perlindungan insurans nyawa dan kemalangan kepada ketua isi rumah serta ahli isi rumah, program bantuan rumah di samping meningkatkan akses kepada kemudahan-kemudahan asas seperti infrastruktur, pengangkutan, utiliti serta ameniti sosial bagi meningkatkan kualiti hidup; dan

- x. pelaksanaan program bantuan kewangan dan penyediaan keperluan asas bagi golongan kurang bernasib baik seperti orang kurang upaya, warga emas dan ibu tunggal.

Kerajaan yakin dengan langkah-langkah ini kualiti hidup semua rakyat termasuk golongan berpendapatan 40 peratus terendah akan terus meningkat seiringan dengan pembangunan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] 5**

**TARIKH**

**APRIL 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] Minta PERDANA MENTERI**

menyatakan adakah Koridor Pembangunan Sabah (SDC) mempunyai sekretariat Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) sebagai strategi serampang tiga mata untuk memantapkan agenda pengukuhan ekonomi Bumiputera

**JAWAPAN**

Salah satu strategi TERAJU dalam memantapkan agenda pengukuhan ekonomi Bumiputera ialah mengadakan kolaborasi yang rapat dengan setiap koridor ekonomi di negara ini. SDC (Sabah Development Corridor) tidak terkecuali dari kolaborasi TERAJU di mana pelancaran TERAJU@SDC dijangka akan dilakukan dalam bulan Mei 2012. Perbincangan awal di antara pihak SEDIA (Sabah Economic Development and Investment Authority) dan TERAJU telahpun diadakan dan kerjasama antara kedua-dua belah pihak sedang berjalan lancar. Untuk makluman, setakat ini TERAJU telahpun melancarkan Program TERAJU@Koridor di Koridor Utara dan Sarawak.

No. Soalan : [22] PR-  
1251-L48541

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN  
ISMAIL [MACHANG]**

**TARIKH : 5 APRIL 2012**

**SOALAN : Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail  
[Machang] minta MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan jumlah duta khas (special envoy)  
yang dilantik Kerajaan, di negara mana  
mereka ditugaskan dan kos yang ditanggung  
Kerajaan untuk setiap mereka.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Machang di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia telah melantik Duta-Duta Khas untuk beberapa negara yang tertentu.

3. Mereka yang sedang berkhidmat secara kontrak sebagai Duta Khas dan Utusan Khas Kerajaan Malaysia, adalah seramai empat (4) orang seperti berikut:

- i) YBhg. Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar sebagai Utusan Khas Kerajaan Malaysia;
- ii) YBhg. Dato' Seri S. Sarny Vellu sebagai Duta Khas (Infrastruktur) Malaysia ke India dan Asia Selatan;
- iii) YBhg. Tan Sri Ong Ka Ting sebagai Duta Khas Malaysia ke China; dan
- iv) YBhg. Dato' Sri Dr. Jamaluddin Jarjis sebagai Duta Khas Malaysia ke Amerika Syarikat.

Mereka yang disebutkan tadi mempunyai fungsi-fungsi tertentu dan adalah di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri. Namun mereka ini mendapat kerjasama yang penuh Kementerian Luar Negeri dalam menjalankan tugas mereka.

4. Di bawah selian Kementerian ini, terdapat seramai tiga (3) orang yang telah dilantik sebagai Utusan Khas. Mereka adalah:

- i) YBhg. Dato' Wira Zainal Abidin bin Mahamad Zain selaku Utusan Khas Kerajaan Malaysia ke Afghanistan;
- ii) YBhg. Tan Sri Rastam bin Mohd Isa selaku Utusan Khas Kerajaan Malaysia berhubung Pelaksanaan Pertukaran Surat Malaysia-Brunei Darussalam; dan
- iii) YBhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awaluddin selaku Utusan Khas YAB Perdana Menteri ke Republik Sudan

5. Kos yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia bagi Duta-duta Khas dan Utusan-Utusan Khas Kerajaan adalah mengikut ketetapan-ketetapan yang terkandung di dalam kontrak pelantikan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATUK WEE JECK SENG**

**(TANJUNG PIAI)**

**SOALAN NO. 23**

**TARIKH**                      **5 APRIL 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ] minta MENTERI PEMBANGUNAN  
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi mengurangkan  
jumlah kes rogol terutamanya yang membabitkan pesalah remaja di bawah  
umur 18 tahun.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan kes rogol terutamanya yang membabitkan pesalah remaja di bawah umur 18 tahun.

Dalam hal ini antara usaha yang diambil bagi menangani isu ini ialah :

- i) menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan pada tahun 2009. Dasar dan Pelan Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan masyarakat terutama ibu bapa dan remaja berhubung kesihatan reproduktif dan kesan negatif akibat perlakuan seksual di luar batasan dan luar nikah;
- ii) KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi mengintegrasikan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) ke dalam program PLKN mulai siri ke-2 pada bulan Julai 2011. Program ini

telah melibatkan seramai 51,928 orang pelatih PLKN di 85 kem PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut. Bagi tahun 2012, seramai lebih 100,000 orang pelatih akan mengikut modul berkenaan;

iii) menubuhkan sebanyak 6 buah pusat remaja kafe@TEEN di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang mensasarkan golongan muda berumur antara 13 dan 24 tahun. Pusat remaja ini memberi maklumat berkaitan dengan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling, khidmat klinikal dan kemahiran hidup, perhubungan antara jantina dan tingkah laku berisiko, termasuk perlakuan seksual sebelum nikah. Program “*outreach*” kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat telah berjaya mendekati seramai 278,556 orang remaja melalui 4,886 program/aktiviti dari November 2005 sehingga Disember 2011;

iv) melaksanakan program aktiviti kanak-kanak di **Pusat Aktiviti Kanak-Kanak** (PAKK) dengan kepelbagaian aktiviti, program motivasi, program pencegahan, seliaan ke atas kanak-kanak yang bermasalah dan sebagainya. Pada masa ini, terdapat sebanyak 146

PAKK di seluruh negara; dan

menubuhkan Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak dalam membantu pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengadakan program-program pemulihan, pencegahan, advokasi, pembangunan dan pengintegrasian semula ke dalam masyarakat bagi memastikan kes-kes jenayah dapat dikurangkan termasuk seliaan ke atas kanak-kanak supaya mereka tidak mengulangi perbuatan-perbuatan jenayah yang dilakukan. Pada masa ini, terdapat sebanyak 118 Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak di seluruh negara.

WO- SOALAM ; 2/f.

~~NO AUM :-£4~~

~~NO A BP~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA TUAN LISAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [  
IPOH BARAT ]

TARIKH 5 APRIL 2012

RUJUKAN 4529

SOALAN :

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan:-

(a) berapakah orang banduan yang telah disabitkan  
hukuman mati atau rayuan mereka telah ditolak yang dikurung  
di penjara seorang diri sehingga kini; dan

(b) berapakah di antara banduan yang dikurung  
seorang diri sementara menunggu pengampunan mereka  
daripada Sultan- Sultan, Raja-Raja dan Yang Dipertua Negeri.

**Jawapan:**  
Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh Barat yang telah mengemukakan pertanyaan.

- a) Berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 28 Februari 2012 terdapat seramai 150 orang banduan yang telah disabitkan hukuman mati dan rayuan mereka telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Atas faktor- faktor keselamatan dan ketetapan Peraturan Penjara, mereka ini diasingkan dan ditempatkan seorang diri. Walau bagaimanapun, segala keperluan asas dan layanan adalah sama seperti banduan lain.
- b) Daripada jumlah di atas, hanya seramai 117 orang yang telah mengemukakan rayuan kepada Lembaga Pengampunan Negeri dan sedang menunggu keputusan. Manakala 33 lagi belum mengemukakan sebarang rayuan untuk pertimbangan selanjutnya oleh Lembaga Pengampunan berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI  
ABD. MUTTALIB [ MARAN ]  
**TARIKH** 5 APRIL 2012  
**RUJUKAN** 4531

**SOALAN :**

**NO. SOALAN : 25**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan drastik pihak Kementerian terhadap kesalahan penyalahgunaan pas pelajar dan pas lawatan sosial oleh warga asing yang terlibat dengan kegiatan jenayah maksiat dan perjudian di negara ini. Nyatakan pecahan kes mengikut negeri dalam jangka masa lima (5) tahun.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Maran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang Pas Pelajar yang didapati melakukan kesalahan di bawah Perkara 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 iaitu kesalahan penyalahgunaan pas, akan **disenaraihitamkan dan dihantar pulang ke negara asal** mereka. Manakala bagi pelajar asing yang terlibat dengan kegiatan jenayah akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan.

Dalam hubungan ini, statistik Jabatan Imigresen Malaysia bagi tahun 2009 menunjukkan seramai 54 orang pemegang Pas Pelajar yang telah ditangkap atas kesalahan penyalahgunaan pas di bawah Peraturan Imigresen 39(b) 1963. Daripada jumlah tersebut, seramai lima (5) orang warganegara Indonesia, empat (4) orang warganegara Bangladesh, 12 orang warganegara China, empat (4) orang warganegara Vietnam, satu (1) orang warganegara Pakistan dan 28 orang lain-lain warganegara.

Bagi tahun 2010 pula, seramai 23 orang pemegang Pas Pelajar ditangkap atas kesalahan penyalahgunaan pas. Daripada jumlah tersebut seramai tujuh (7) orang warganegara Bangladesh, tujuh (7) orang warganegara China, empat (4) orang warganegara Nigeria serta warganegara Myanmar, Iraq, Sudan, Yemen dan Zimbabwe masing-masing satu (1) orang.

Bagi tahun 2011 pula, seramai sembilan (9) orang pemegang Pas Pelajar ditangkap atas kesalahan yang sama. Daripada jumlah tersebut, seramai empat (4) orang merupakan warganegara Bangladesh, tiga (3) orang warganegara China, satu (1) orang warganegara Filipina dan satu (1) orang warganegara Yemen.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kes penangkapan warga asing yang terlibat dengan pelacuran dan kegiatan maksiat menular bermula sekitar tahun 2009. Oleh yang demikian pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman mempunyai rekod tangkapan warga asing yang terlibat dengan penyalahgunaan pas pelajar untuk kegiatan jenayah maksiat di negara ini bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu dari tahun 2009 hingga 2011.

Bagi tahun 2009, sebanyak 78 tangkapan warga asing yang memegang Pas Pelajar oleh PDRM. Daripada jumlah tersebut, 25 tangkapan dilakukan di Kuala Lumpur, 21 tangkapan di Selangor, 12 tangkapan di Johor, tujuh (7) tangkapan masing-masing di Pulau Pinang dan Negeri Sembilan dan tiga (3) tangkapan masing-masing di Perak dan Melaka.

Bagi tahun 2010 pula, sebanyak 51 tangkapan dibuat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 15 tangkapan di Selangor, sembilan (9) tangkapan masing-masing di Johor dan Pulau Pinang, tujuh (7) tangkapan di Negeri Sembilan, enam (6) tangkapan di Kuala Lumpur, tiga (3) tangkapan di Melaka dan dua (2) tangkapan di Terengganu.



Bagi tahun 2011, sebanyak 76 tangkapan dibuat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 51 tangkapan di Kuala Lumpur, sembilan (9) tangkapan di Selangor, tujuh (7) tangkapan di Johor, empat (4) tangkapan di Pulau Pinang, tiga (3) tangkapan di Negeri Sembilan dan satu (1) tangkapan masing-masing di Perak dan Kedah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]  
**TARIKH** 5 APRIL 2012  
**RUJUKAN** 4530

**SOALAN :**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) berapa jumlah pendatang tanpa izin yang telah didaftarkan dalam Program 6P mengikut negara asal mereka; dan
- (b) berapakah pendapatan yang dikumpulkan oleh Kerajaan hasil dari pendaftaran ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

**NO. SOALAN : 25**

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 1,303,126 pendatang asing tanpa izin (PATI) telah didaftar dan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>WARGANEGARA</b>	<b>JUMLAH PATI</b>
1	INDONESIA	640,609
2	BANGLADESH	267,803
3	MYANMAR	144,098
4	NEPAL	33,437
5	INDIA	52,478
6	FILIPINA	47,589
7	VIETNAM	13,515
8	PAKISTAN	22,121
9	CAMBODIA	24,780
10	THAILAND	9,455
11	CHINA	3,327
12	SRI LANKA	5,601
13	LAIN-LAIN	38,313
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,303,126</b>



(b) Pelaksanaan Program 6P adalah untuk mewujudkan pangkalan data warga asing di negara ini. Proses Pendaftaran yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah secara percuma, oleh itu Kerajaan tidak memperoleh apa-apa pendapatan dari pelaksanaan Program ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B.DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATUK IR HAJI IDRISBIN HAJI HARON**

**[TANGGA BATU]**

**TARIKH 5 APRIL 2012**

**SOALAN**

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah mekanisme kawalan oleh pihak Kementerian terhadap banjir produk-produk kecantikan dan kesihatan di pasaran yang boleh mengundang risiko kesihatan kepada pengguna. Adakah produk-produk tersebut mendapat kelulusan Kementerian dan adakah kandungan yang terdapat dalam produk tersebut bebas bahan berbahaya.

I

Mekanisme kawalan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah dengan mewajibkan pendaftaran ke atas produk ubat-ubatan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), KKM. Manakala, kosmetik perlu melalui prosedur notifikasi sebelum ia boleh dikilang, diimport atau dijual.

Bagi kosmetik yang bernoifikasi, pihak pengilang atau pemegang notifikasi kosmetik adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan dan kualiti kosmetik tersebut di pasaran.

KKM akan memastikan keselamatan pengguna kosmetik bernoifikasi terjamin dengan menjalankan aktiviti pemantauan selepas kosmetik tersebut dipasarkan melalui Program Pengawasan Mutu Produk Kosmetik Bernoifikasi di Pasaran (*post-market surveillance*) bagi memastikan pihak pengilang dan pemegang notifikasi kosmetik mematuhi segala syarat notifikasi kosmetik. Sekiranya kosmetik dikenalpasti telah dicampur dengan bahan terlarang seperti **hidrokuinon**, **tretinoin** dan **isotretinoin**, tindakan undang-undang boleh diambil di bawah Akta Racun 1952. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 2,928 jenis kosmetik telah dirampas atas pelbagai kesalahan antaranya, kosmetik tiruan dan kosmetik yang dicampur dengan bahan terlarang dengan nilai rampasan sebanyak RM8.70juta.

Untuk mengetahui status notifikasi kosmetik atau pendaftaran sesuatu produk, pengguna boleh melayari laman sesawang rasmi Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) di [www.bpfk.gov.my](http://www.bpfk.gov.my), Pengguna juga boleh melayari laman sesawang rasmi Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM di [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my) untuk

mendapatkan maklumat mengenai kosmetik atau produk yang telah dirampas oleh Bahagian Penguatkuasa Farmasi, KKM.

Dari aspek kawalan di pintu-pintu masuk negara, Kementerian akan memastikan semua pengimportan produk dan kosmetik mestilah dituruti dengan lesen atau nota notifikasi yang sah. Konsaimen-konsaimen yang berkaitan dengan produk dan kosmetik akan disaring dan jika didapati adanya pelanggaran dan tiada penjelasan yang munasabah daripada pihak pengimport, konsaimen tersebut boleh ditahan untuk tindakan selanjutnya.

#### PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**TARIKH** 05.04.2012

**SOALAN:**

**Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan kadar celik huruf (literasi) dan numerasi mengikut negeri di seluruh negara.

#### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) serius dalam usaha membasmi masalah celik huruf dalam kalangan murid di negara ini. Sehubungan itu KPM telah memperkenalkan Program LINUS (*Literacy and Numeracy Screening Programme*) bermula pada tahun 2010. Pelaksanaan saringan LINUS peringkat pertama dan kedua adalah untuk mengenal pasti murid yang tidak menguasai asas Literasi dan Numerasi. Bagi murid yang tidak melepasi saringan ini akan mengikuti program

### Soalan No : 15

LINUS mengikut penguasaan konstruk 1 atau 2 bagi mengatasi masalah tersebut. Sebagai langkah pemulihan, penjaga murid yang mempunyai masalah LINUS tegar (tidak menguasai konstruk 1 dan 2) akan disarankan membuat pemeriksaan kesihatan pelajar itu. Pemeriksaan kesihatan itu bagi memastikan sama ada pelajar tersebut tergolong dalam murid berkeperluan khas (pemulihan khas) atau sebaliknya.



Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya peratus kadar celik huruf pencapaian literasi kohort 1 (murid Tahun 3) 2012 ialah 97.52% dan peratus pencapaian numerasi ialah 98.62%. Bagi kohort 2 (murid Tahun 2) 2012, peratus pencapaian literasi ialah 91.00%, manakala numerasi 95.42%.

Berdasarkan pencapaian tersebut, KPM mendapati program LINUS berupaya meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan murid yang tidak mempunyai masalah kesihatan di negara ini.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM  
SULTAN ABU BAKAR  
(JERANTUT)**

**PERTANYAAN : LiSAN**

**TARIKH : 05.04.2012**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [ JERANTUT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** **PERDAM-MEFFTERT** menyatakan bolehkah Kerajaan meluluskan satu lesen bank komersial seperti Bank Bumiputera dahulu semata-mata untuk menolong peniagaan orang-orang Melayu.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran lesen perbankan baru di Malaysia dilakukan secara terpilih dan berlandaskan objektif yang tertentu, khususnya sumbangan pemohon ke arah pembangunan sektor kewangan tempatan yang lebih pelbagai dengan menyediakan perkhidmatan kewangan kepada sektor pertumbuhan baru dan ekonomi sasaran, seiring dengan transformasi Malaysia ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.

2. Bagi memenuhi keperluan perusahaan kecil dan sederhana, termasuk perniagaan orang-orang Melayu/Bumiputera, kini terdapat 24 bank perdagangan, 16 institusi perbankan Islam dan 4 institusi kewangan pembangunan dan enterpris di Malaysia yang menawarkan rangkuman produk dan perkhidmatan kewangan yang luas untuk tujuan tersebut.

3. Selain itu, bank perdagangan dan institusi perbankan Islam juga tertakluk kepada Garis Panduan Pinjaman kepada Sektor Keutamaan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, di mana bank perdagangan dan institusi perbankan Islam perlu memastikan bahawa sejumlah tertentu daripada pinjaman yang dibiayai harus disalurkan kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana, termasuk perusahaan kecil dan sederhana yang dimiliki oleh golongan Bumiputera.

4. Oleh itu, pembiayaan yang sedia ada telah memenuhi keperluan semua sektor ekonomi dan segenap lapisan masyarakat, termasuk membantu perniagaan golongan Bumiputera.

*fJO- SOAIAU :30*

~~NQ-AUM-36~~

~~NQ-AUE=r~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [ BAYAN  
BARU ]**

**TARIKH 5 APRIL 2012**

**RUJUKAN 4533**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan apakah hasil siasatan terhadap video lucah  
yang dikatakan melibatkan Ketua Pembangkang.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pada 22 Mac 2011 satu laporan polis telah dibuat oleh Ketua Pembangkang berhubung tayangan video lucah yang melibatkan beliau pada 21 Mac 2011 yang ditayangkan di Carcosa Seri Negara. Beliau menafikan bahawa beliau adalah lelaki dalam tayangan video tersebut dan mendakwa ianya adalah fitnah berunsur jenayah. Pihak yang bertanggungjawab menayangkan tayangan video ini telah dituduh di Mahkamah dan ketiga-tiga mereka telah mengaku salah dan dijatuhkan hukuman denda antara RM 1,000 hingga RM 3,000 pada 24 Jun 2011.

Tuan Yang Dipertua,

Pada 8 September 2011, satu laporan polis telah dibuat oleh Pegawai Penyiasat terhadap Ketua Pembangkang bagi membolehkan siasatan dijalankan kerana memberi maklumat palsu berhubung identiti pelaku video tersebut. Siasatan telah selesai dan hasil siasatan telah dimajukan ke Pejabat Peguam Negara pada 10 Februari 2012 bagi arahan selanjutnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA

DARIPADA

: Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)

PERTANYAAN

: LISAN

TARIKH

: 05.04.2012

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kos untuk 'rebranding' MAS sebagai penerbangan 'Short Haul' dan 'Long Haul' selepas menandatangani perjanjian penukaran saham Mas-AirAsia dan 'CCF' untuk (i) mengecat semula pesawat Firefly, (ii) 'grounded' pesawat Firefly, (iii) rancangan untuk mereka-bentuk (design) semula dan/atau mengecat semula pesawat MAS/Firefly (iv) memindah pejabat-pejabat ke KLIA, (v) kaunter tiket dan chek-in baru, (vi) 'signage' baru, (vii) uniform baru, (viii) pencetakan kad nama baru, 'letterhead' dan bahan pencetakan lain-lain, dan bagaimanakah tindakan 'rebranding' di atas dapat membantu 'turn around' kedudukan kewangan MAS bertukar daripada rugi menjadi untung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) kini fokus kepada operasi premium jarak jauh (*long haul*) dan jarak dekat (*short haul*) dengan menggunakan *brand* yang berbeza. *Brand* asal MAS dikekalkan untuk operasi jarak jauh manakala perkhidmatan turbo-pro Firefly dan operasi pesawat serantau akan dikendalikan oleh entiti baru untuk penerbangan jarak

dekat. Memandangkan penjenamaan semula perkhidmatan MAS masih dalam peringkat permulaan, adalah masih terlalu awal untuk menentukan jumlah kos keseluruhan yang terlibat pada masa ini.

2. Melalui *rebranding* ini, operasi jarak dekat akan menggunakan pesawat yang lebih kecil seperti Boeing 737-800 bagi membolehkan MAS menyediakan jaringan perkhidmatan premium serantau yang lebih luas dengan frekuensi lebih tinggi untuk meningkatkan kecekapan kos dan operasi. Selain itu, MAS juga akan memperkenalkan imej baru bagi pesawat A380 yang dijangka memulakan perkhidmatan mulai bulan Julai 2012. Dengan ini, MAS akan terus berusaha untuk meningkatkan trafik penumpang melalui strategi pemasaran yang berterusan bagi memulihkan prestasi sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI**

**(GOMBAK)**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**TARIKH**

**05.04.2012**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan memberi jaminan kepada KW5P di atas pinjaman yang dikeluarkan oleh KWSP kepada FT Foundation untuk Skim Perumahan Awam. Sekiranya ada, apakah bentuk jaminan Kerajaan kepada KWSP.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Subang bersama dengan soalan Yang Berhormat Gombak pada 5.4.2012 dan 11.4.2012 serta Yang Berhormat Alor Gajah pada 9.4.2012 kerana pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemudahan pembiayaan kepada Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) iaitu syarikat SPV dimiliki oleh Yayasan Wilayah Persekutuan ialah RM1.5 bilion. Walau bagaimanapun, hanya RM300 juta diluluskan oleh KWSP bagi pengeluaran pertama. Pengeluaran seterusnya akan dibuat berdasarkan prestasi syarikat SPV tersebut.

2. Mengikut Akta KWSP 1991 Seksyen 26, KWSP dibenarkan untuk melabur dalam hutang dan pinjaman termasuklah kepada sektor Kerajaan. Semua pinjaman yang diberikan oleh KWSP dibuat berdasarkan pertimbangan komersil dan sentiasa mengutamakan perlindungan simpanan ahli. Semua cadangan pelaburan dikemukakan kepada Panel Pelaburan untuk pertimbangan dan keputusan. Bagi pinjaman kepada syarikat, Akta KWSP 1991 menetapkan bahawa kelulusan Menteri Kewangan diperlukan.

3. Kemudahan pinjaman kepada SPWP ini dibuat berdasarkan pertimbangan komersil dengan jaminan atau sekuriti yang bersesuaian untuk melindungi kepentingan ahli. Jaminan atau sekuriti kemudahan pembiayaan ini adalah seperti berikut:

- (i) Semua unit rumah akan dicaj atau diuntukkan oleh SPWP kepada KWSP, dengan perlindungan jaminan sekurang-kurangnya dua kali ganda amaun pinjaman;
- (ii) Penahanan tunai sebanyak 25% daripada pembayaran pinjaman KWSP kepada SPWP yang akan disimpan dalam akaun rizab kecairan yang diuntukkan kepada KWSP bersama-sama dengan semua peruntukan aliran tunai;
- (iii) SPWP melantik institusi kewangan yang bersesuaian untuk menguruskan pentadbiran pinjaman skim ini bagi memastikan akaun individu diuruskan dengan baik; dan
- (iv) Akujanji daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membeli balik rumah-rumah berkenaan bagi mendapatkan aliran tunai yang diperlukan untuk pembayaran balik pinjaman jika peserta tidak membayar pinjaman.

4. Sebagai rumusan, cadangan pelaburan KWSP dipertimbangkan dengan secara objektif dan profesional dan melalui proses kajian penilaian menyeluruh termasuk risiko-risiko yang ada dan dapat dimitigasi supaya KWSP tidak mengambil risiko pelaburan yang berlebihan yang boleh memberi impak negatif

kepada simpanan ahli dalam jangka masa panjang.



PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH]  
**TARIKH** : 5 APRIL 2012  
**SOALAN** : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan keluasan sawah padi terbiar di negeri Kelantan yang  
berjaya dipulihkan dan apakah halangan-halangan yang dihadapi  
pihak Kerajaan dalam menjayakan usaha ini.

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Keluasan tanah terbiar di seluruh negeri Kelantan sehingga tahun 2011 adalah seluas 5,494.15 hektar di mana seluas 210.19 hektar merupakan tanah darat terbiar manakala seluas 5,283.96 hektar pula merupakan tanah sawah terbiar.

Sehingga tahun 2011 seluas 140 hektar tanah sawah terbiar di negeri Kelantan telah dibangunkan dengan peruntukan sebanyak RM 2.8 juta yang melibatkan seramai 140 orang peserta.

Halangan-halangan yang dihadapi untuk memajukan tanah sawah terbiar ini antaranya adalah:

- (a) Kawasan tanah yang berselerak dan kesukaran mengenal pasti pemilik tanah
- (b) Kemudahan infrastruktur yang telah rosak serta memerlukan kos yang tinggi untuk dibaiki.
- (c) Akses ke kawasan tanah sawah terbiar yang sukar di mana jalan ladang perlu disediakan untuk memulakan semula projek.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN  
DARIPADA DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE  
[TENGGARA]

TARIKH 5 APRIL 2012

SOALAN:

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat manakah kadar kecenderungan berbelanja bagi isirumah Malaysia mengikut perangkaan Kecenderungan Marginal Untuk Kepenggunaan (MPC) dan nyatakan impaknya dari segi permintaan domestik serta ekonomi negara termasuk kadar inflasi.

JAWAPAN

Berdasarkan statistik sistem akaun negara, bagi tempoh 2006 hingga 2011, purata kecenderungan penggunaan marginal, atau dengan izin, *marginal propensity to consume* (MPC) isi rumah di Malaysia adalah kira- kira 0.74 mata. Ini bermakna bagi setiap satu ringgit kenaikan dalam pendapatan isi rumah, maka 74 sen akan dibelanjakan dan baki 36 sen akan disimpan. Walau bagaimanapun, MPC bagi isi rumah di Malaysia menunjukkan arah aliran semakin meningkat daripada 0.47 pada tahun 2006 kepada 0.85 pada tahun 2011. Ini menunjukkan isi rumah lebih cenderung untuk berbelanja berbanding dengan menyimpan daripada tambahan pendapatan

mereka.

Dari sudut ekonomi, MPC mempunyai hubungan positif dengan permintaan domestik. Apabila MPC meningkat, ini bermakna perbelanjaan isi rumah turut meningkat dan sekaligus meningkatkan permintaan domestik kerana perbelanjaan isi rumah adalah sebahagian daripada komponen permintaan domestik. Ini dapat dilihat menerusi peningkatan peratusan perbelanjaan isi rumah kepada permintaan domestik daripada 57.8 peratus pada tahun 2006 kepada 58.6 peratus pada tahun 2011.

Secara amnya, berdasarkan kajian empirik, MPC dan inflasi mempunyai hubungan yang positif di mana bagi setiap satu peratus peningkatan MPC, inflasi dijangka meningkat sebanyak 0.17 mata peratus. Walau bagaimanapun, jika dilihat kepada sejarah ekonomi negara sehingga kini, kebanyakan daripada kejadian kadar inflasi yang tinggi adalah disebabkan oleh harga minyak mentah dan bahan makanan global seperti yang berlaku pada tahun 1974, 1981 dan 2008. Cuma pada tahun 1998 kenaikan inflasi dalam negeri dipengaruhi oleh permintaan domestik namun ianya bukan disebabkan oleh peningkatan penggunaan isi rumah, tetapi berpunca daripada aliran masuk modal yang besar yang menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri yang tinggi. Oleh yang demikian, tidak dinafikan bahawa peningkatan penggunaan isi rumah boleh meningkatkan kadar inflasi, tetapi ianya bukan merupakan punca utama kepada kenaikan kadar inflasi yang melanda negara sebelum ini. Namun, Kerajaan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan kadar inflasi berada dalam keadaan terkawal. Pada tahun 2011, kadar inflasi meningkat kepada 3.2 peratus berbanding dengan 1.7 peratus pada tahun 2010.



**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**: LISAN**

**TARIKH**

**:Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]**

**SOALAN**

**:5 April 2012**

**:Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan jumlah hasil padi tahunan negara sejak tahun 2005:-

- (a) berapa peratus bekalan padi negara dapat dibekalkan oleh hasil padi tanaman dalam negara; dan
- (b) nyatakan tindakan-tindakan yang telah dijalankan untuk meningkatkan hasil padi negara dan berikan sebab-sebab yang mengakibatkan hasil-hasil padi negara masih tidak memuaskan.

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

- a) Jumlah pengeluaran padi pada tahun 2010 adalah sebanyak 2.55 juta tan yang membekalkan 71.4% daripada keperluan beras negara berbanding tahun 2009 sebanyak 2.46 juta tahun iaitu 70.4%.
- b) Tindakan-tindakan yang telah dijalankan untuk meningkatkan hasil padi antaranya adalah melalui program Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) yang bermula pada tahun 2008 sehingga 2010 yang merangkumi pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran, perataan tanah sawah, keperluan input pertanian seperti kapur, baja NPK dan racun makhluk perosak, mekanisasi ladang serta pemberian insentif dan subsidi.

Di samping itu, di bawah Dasar Agromakanan Negara strategi berikut telah merangka:

- 1) Meningkatkan pengeluaran melalui peningkatan kemudahan infrastruktur, penggunaan input berkualiti, amalan teknologi pertanian persis dan peningkatan kaedah pengurusan tanaman.
- 2) Meningkatkan produktiviti melalui penggunaan varieti baru termasuk padi hibrid, pengurusan air secara berkesan, pengurusan secara estet dan berpusat serta peningkatan penggunaan mekanisasi dan automasi.
- 3) Meningkatkan kualiti melalui pemutuan sebenar mengikut parameter pengilangan berasaskan varieti padi supaya harga padi dikaitkan dengan kualiti yang dihasilkan.

Melalui strategi tersebut, pengeluaran padi akan ditingkatkan daripada 2.55 juta tan pada tahun 2010 kepada 2.91 juta tan pada 2020. Produktiviti pula akan ditingkatkan daripada 4.0 tan pada tahun 2010 kepada 4.9 tan pada 2020.

Antara sebab yang mengurangkan hasil padi adalah serangan oleh perosak dan penyakit serta kejadian bencana alam seperti banjir dan kemarau.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED**  
**[SEKIJANG]**

**TARIKH 5 APRIL 2012**

**SOALAN NO.36**

**SOALAN:**

**DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED (SEKIJANG)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mendaftarkan pengundi-pengundi di negara ini secara terus (automatik) apabila mereka mencapai umur 21 tahun.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan tidak

## SOALAN NO.36

bercadang untuk meminda undang-undang dan melaksanakan pendaftaran pemilih secara terus (automatik) kerana sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan. Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia akan memberikan implikasi yang besar kepada mereka yang terlibat memandangkan mobiliti penduduk yang sangat tinggi ekoran berpindah alamat kediaman, pertukaran tempat bekerja dan sebagainya. Ini kerana terdapat mereka yang tidak membuat pertukaran alamat pada kad pengenalan, menyebabkan bilangan mereka yang akan didaftarkan di luar kawasan tempat mereka bermastautin adalah tinggi. Bahkan mungkin ada di antara mereka yang tidak lagi menetap di alamat tersebut serta tidak mempunyai ahli keluarga di alamat yang didaftarkan.

Jika hal ini berlaku ia akan menimbulkan kesulitan kepada pemilih itu sendiri. Contohnya, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan

2

ataupun terdapat di pangkalan data di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu alamat tertentu sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke suatu tempat baru, tetapi tidak membuat

## SOALAN NO.36

pertukaran alamat di JPN, maka seseorang pemilih itu akan didaftarkan berdasarkan alamat mastautin yang lama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peraturan pendaftaran automatik ini juga, jika dilaksanakan, amat bertentangan dengan kehendak Perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan, kerana beliau telah berpindah ke tempat yang lain. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk ditentukan di pusat mengundi manakah beliau akan mengundi kerana namanya tidak disenaraikan di tempat mengundi beliau bermastautin. Jika ramai pemilih yang berpindah tempat tinggal tetapi tidak memaklumkan kepada JPN, adalah dikhuatiri ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh dari tempat kediaman mereka.

Oleh sebab keadaan ini, dikhuatiri juga peratus pemilih yang keluar mengundi pada hari mengundi di bahagian pilihan raya akan menjadi



## SOALAN NO.36

berkurangan dan secara tidak langsung ia akan menjejaskan proses demokrasi yang dilaksanakan. Berasaskan pada hakikat ini maka Kerajaan belum lagi bercadang untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik. Namun begitu, Kerajaan senantiasanya mengkaji kaedah lebih efektif dan mempertimbangkan pelbagai cadangan untuk mempertingkatkan dan menambahbaikkan lagi urusan pendaftaran pemilih yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

### DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN LINDATSEN THAU LIN [BATU SAPI]

TARIKH : 5 APRIL 2012

#### SOALAN:

Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah banjir, tanah runtuh dan angin kencang akibat daripada perubahan iklim dan musim hujan yang berterusan.



Tuan Yang Dipertua,

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fenomena perubahan iklim mempengaruhi pola hujan yang dialami sekarang dan perubahan ini berpotensi untuk menyebabkan kejadian-kejadian seperti banjir dan monsun.

Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah menjalankan kajian tentang kesan perubahan iklim termasuk peningkatan intensiti dan kekerapan hujan serta perubahan kadar aliran sungai. Hasil kajian ini akan digunakan sebagai input kepada penyediaan prog ram-prog ram adaptasi di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara bagi mengurangkan impak perubahan iklim serta dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek tebatan banjir di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah khusus yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) untuk mengatasi masalah banjir adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti kawasan yang sering dilanda banjir dan mengkaji punca-punca banjir serta menyediakan Peta Hazad Banjir (Flood Hazard Map);
- ii. Penyediaan Pelan Induk Tebatan Banjir bagi lembangan- lembangan sungai;
- iii. Penyediaan Pelan Induk Saliran Bandar untuk digunapakai dan dijadikan panduan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk semua jenis pembangunan;
- iv. Melaksanakan langkah-langkah struktur seperti menaiktaraf sistem saliran, membina benteng banjir, menggantikan struktur- struktur di

saluran utama yang menghalang laluan air, membina rumah pam dan membina kolam-kolam takungan;

- v. Melaksanakan langkah bukan struktur seperti ramalan banjir (flood forecasting) dan sistem amaran awal banjir. Ia merangkumi infrastruktur rangkaian sistem telemetri hujan dan aras air, siren dan papan amaran banjir. Tujuannya adalah untuk menyebarkan amaran awal banjir supaya rakyat yang tinggal di kawasan banjir boleh bersedia dan pengurusan bantuan bencana banjir dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan; dan
- vi. Pematuhan oleh pemaju projek terhadap garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dan Pelan Kawalan Hakisan dan Endapan (Erosion and Sediment Control Plan or ESCP) yang disediakan oleh JPS dan diterima pakai serta dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Selain itu, pihak Kementerian menerusi Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), JPS dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga memberi khidmat nasihat teknikal kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam Jawatankuasa Teknikal Tanah Runtuh Jabatan Kerja Raya (JKR).



Di samping itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengeluarkan amaran cuaca buruk termasuk angin kencang sebaik ianyadikesan akan berlaku. Amaran ini disalurkan kepada semua agensi yang terlibat dalam pengurusan bantuan bencana sepertimana yang ditetapkan di bawah Arahan 20, Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sekian, terima kasih.



PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

:LISAN

TARIKH  
SOALAN

:DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH

[KALABAKAN)

:5 APRIL 2012

:Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan:

- (a) apakah program baja subsidi juga dilaksanakan di negeri Sabah; dan
- (b) jika dilaksanakan berapa besarkah bekalan sebulan dan siapakah syarikat pembekal yang dilantik.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah melaksanakan pemberian input pertanian dan baja subsidi di seluruh negara termasuk di negeri Sabah seperti Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) untuk baja urea dan sebatian dan Insentif Pengeluaran Padi (IPP) untuk baja NPK Tambahan dan baja organik untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi negara dan mengurangkan kos petani.

- (a) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)  
Kadar bantuan yang diberikan ialah 240 kilogram per hektar bagi baja sebatian (12 beg @ 20 kilogram per beg) dan 100 kilogram per hektar bagi baja urea (5 beg @ 20 kilogram per beg).
- (b) Insentif Pengeluaran Padi (IPP)  
Kadar bantuan baja NPK tambahan ialah RM400 per hektar (6 beg @ 25 kilogram per beg) dan untuk baja tambahan RM140 per hektar ( 5 beg @ 20 kilogram per beg)

**SOALAN NO: 40**

Pembekal semasa bagi baja NPK Tambahan, baja urea dan baja sebatian adalah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) manakala pembekal baja organik adalah Syarikat Endona Corporation Sdn. Bhd.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH 5 APRIL 2012 (KHAMIS)**

**DARIPADA Y.B. DATUKABD. RAHMAN BIN BAKRI  
[SABAK BERNAM]**

**SOALAN**

**Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan langkah Kerajaan bagi melindungi pembeli rumah terbengkalai yang diisytiharkan sebagai muflis berikutan mereka terpaksa menanggung beban membayar pinjaman rumah yang tidak didiami dan perlu pula menyewa rumah lain.**



## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meringankan beban yang ditanggung oleh pembeli rumah, Jabatan Perumahan Negara (JPN) mengeluarkan surat kepada pembiaya akhir (*end-financier*) bagi mengesahkan unit rumah berkaitan adalah projek perumahan terbengkalai.

Melalui surat pengesahan ini, pihak pembeli boleh mendapatkan kemudahan berikut:-

- (i) Pertimbangan pengurangan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan daripada institusi perbankan; dan
- (ii) Pertimbangan permohonan pengeluaran kali kedua daripada pihak KWSP.

Bagi pembeli yang membuat pinjaman perumahan Kerajaan pula,

mereka boleh mendapatkan kemudahan sama ada pertimbangan untuk:-

- a) membatalkan pinjaman sedia adadan diberi peluang untuk memohon pinjaman baru iaitu pinjaman penuh seperti pinjaman pada kali pertama; atau
- b) diberi pertimbangan untuk menangguhkan kenaan faedah pinjaman pada kadar 4% sepanjang tempoh projek dipulihkan atau selama 5 tahun (mana-mana yang terdahulu).

Walau bagaimanapun, semua permohonan pertimbangan di atas adalah tertakluk kepada penilaian institusi pembiaya terhadap setiap peminjam berdasarkan kepada merit setiap kes.

Sekiranya pihak pembiaya tidak memberi sebarang bantuan atau kerjasama, pembeli rumah boleh membuat aduan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di mana aduan tersebut akan dipanjangkan ke Bank Negara Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

Di samping itu, KPKT juga membantu pembeli rumah untuk berbincang dengan pihak pembiaya bagi penyambungan pinjaman atau penambahan jumlah pinjaman setelah pemaju penyelamat telah dikenalpasti dan kerja pemulihan telah dijalankan.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Mac 2012

**NO. SOALAN**

**:40 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] TARIKH : 5  
APRIL 2012**

### **SOALAN**

**Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian Talent Corporation setakat ini. Adakah insentif yang ditawarkan kepada profesional dan bakat di luar negara dapat menarik mereka balik untuk berkhidmat dalam negara. Apakah pula insentif yang ditawarkan kepada profesional dan bakat yang ada dalam negara supaya mereka tidak mengalir keluar negara.

### **JAWAPAN**

YAB Perdana Menteri telah mengambil beberapa pendekatan holistik ke arah mentransformasikan negara: pertama, melalui pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi menarik pelaburan asing untuk membolehkan industri beralih ke rantaian nilai yang lebih tinggi dan mewujudkan peluang pekerjaan professional berpendapatan tinggi; kedua, melalui pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) ke arah meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat jelata, khususnya dari segi menangani masalah jenayah dan meningkatkan kualiti pendidikan; dan ketiga, melalui gagasan 1 Malaysia bagi memupuk semangat keterangkuman (*inclusiveness*) di kalangan rakyat. Pendekatan holistik ini akan memanfaatkan rakyat Malaysia yang bekerja di Malaysia dan pada masa yang sama, dijangka akan menarik minat tenaga kerja berkemahiran tinggi Malaysia di luar untuk pulang ke Malaysia.

Bagi memastikan aspirasi Kerajaan di bawah ETP tercapai, Kerajaan memberi tumpuan kepada aspek pembangunan modal insan berkemahiran tinggi yang dapat menyumbang kepada kejayaan ETP.

Justeru, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah merangka beberapa inisiatif penting dalam usaha untuk menyediakan sumber modal insan berkemahiran tinggi yang mencukupi dalam negara dan seterusnya memenuhi keperluan tenaga kerja mahir di bawah ETP. Antara program dan insentif yang ditawarkan untuk professional/bakat dalam negara adalah seperti berikut:

- (i) Program peningkatan kemahiran (*upskilling*) di kalangan graduan sarjana muda tempatan terutamanya dalam bidang kejuruteraan yang bertujuan memenuhi keperluan industri terutamanya dalam sektor Elektrik dan Elektronik, Minyak dan Gas, serta Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat. Sehingga Februari 2012, 4 program *upskilling* yang memberi tumpuan kepada 5 Sektor Kumpulan Kerja (*Sectoral Working Group*) iaitu Elektrik dan Elektronik, Telekomunikasi, Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur, Minyak dan Gas, serta Bioteknologi telah dilancarkan;
- (ii) Program *Internship* Berstruktur yang bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia melaksanakan program latihan industri berkualiti tinggi melalui pemberian potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat tersebut mulai Januari 2012. Program ini juga adalah sebagai persediaan kepada pelajar Institut Pengajian Awam dan Swasta terutamanya dalam aspek soft skills untuk menempuh alam pekerjaan kelak;

(iii) Program *Talent Acceleration in Public Sector* (TAPS) dan *Scholarship Talent Attraction and Retention* (STAR) yang telah dilancarkan pada Ogos 2011 bertujuan untuk membuka peluang kepada pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melaksanakan ikatan biasiswa JPA mereka sama ada dengan Kerajaan atau syarikat swasta. Peserta TAPS akan berkhidmat dalam bidang keutamaan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) melalui perkhidmatan dengan Kementerian/Agensi Kerajaan, manakala peserta STAR akan berkhidmat dalam bidang keutamaan di bawah ETP melalui perkhidmatan dengan syarikat tempatan swasta yang terpilih. Sehingga Februari 2012, seramai 157 graduan tajaan JPA telah berjaya mendapatkan kerja di sektor swasta manakala seramai 43 orang graduan tajaan JPA telah ditempatkan di 14 Kementerian/Agensi yang berlainan; dan

(iv) Pameran Kerjaya di luar negara yang disasarkan khusus kepada para pelajar dan golongan profesional Malaysia di luar negara untuk meningkatkan kesedaran mengenai peluang pekerjaan professional dalam negara di bawah ETP. Syarikat yang menyertai pameran kerjaya di luar negara juga diberikan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan yang ditanggung oleh syarikat-syarikat tersebut mulai Januari 2012.

Untuk pengetahuan ahli yang berhormat sekalian, insentif *Returning Expert Programme* (REP) yang disediakan oleh Kerajaan untuk profesional Malaysia yang ingin kembali berkhidmat di negara bukanlah merupakan insentif yang berbentuk 'tarikan' (*attraction*) tetapi lebih berbentuk insentif yang memudahcara (*facilitation*) kepulangan

profesional Malaysia. Ini dapat dilihat dari segi peningkatan bilangan profesional yang telah diberi kelulusan insentif REP dari tahun ke tahun. Pada tahun 2011, bilangan tersebut meningkat kepada 680 orang berbanding 313 pada tahun 2010.

Untuk makluman ahli yang berhormat, mereka yang telah kembali ke Malaysia sedang berkhidmat dalam pelbagai bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) khususnya sektor Perkhidmatan Kewangan; Perkhidmatan Perniagaan; Minyak, Gas dan Tenaga; Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur; serta Elektrik dan Elektronik. Antara golongan yang kembali berkhidmat termasuklah para profesional yang berkualiti tinggi yang kini telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di syarikat tersenarai serta sebagai anggota pengurusan terkanan di syarikat multinasional.

Selain itu, TalentCorp juga terus berusaha untuk membina jaringan profesional dengan mereka yang menetap di luar negara untuk 'leverage' kepakaran dan jaringan luar negara mereka bagi faedah pembangunan ekonomi tempatan walau di manapun mereka berada. Misalnya, beberapa pakar Malaysia dari Silicon Valley telah dijemput kembali ke tanahair untuk mengendalikan bengkel di ibu negara pada bulan yang lalu bersama beberapa syarikat bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC).



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]

TARIKH : 5 APRIL 2011

**SOALAN** Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Program Transformasi Ekonomi yang telah dilancarkan telah mendatangkan hasil kepada ekonomi negara. Apakah faktor-faktor kekangan atau halangan jika ada.

**JAWAPAN**

Pada tahun pertama ETP, kami telah melihat pelbagai pencapaian daripada hasil kerjasama pihak Kerajaan dan pihak swasta melalui program-program 12 NKEA di bawah payung ETP. Pencapaian tersebut terbukti samaada melalui pelaburan di dalam NKEA Minyak & Gas ataupun melalui program yang member kesan langsung kepada rakyat seperti program TUKAR di bawah NKEA Borong & Runcit.

Secara keseluruhannya, prestasi ETP bagi tahun 2011 amat menggalakkan dengan pencapaian GNI sebanyak RM830 billion berbanding dengan sasaran RM797 billion. Pelaburan sektor swasta juga berjaya mencapai RM94 billion berbanding dengan sasaran RM83 billion. Pihak kerajaan yakin bahawa sasaran tersebut boleh dicapai. Angka-angka tersebut berasal daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penunjuk makroekonomi menunjukkan bahawa keyakinan sektor swasta dalam ekonomi adalah tinggi. Ini dapat dilihat dalam peningkatan pelaburan sektor swasta sebanyak 19.4 peratus dari 2010 kepada RM 94 billion pada

tahun 2011. Terdapat juga peningkatan dalam FDI sebanyak 12.3 peratus kepada RM 32.9 billion pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya. Ini disokong oleh organisasi penyelidikan bebas antarabangsa, A.T. Kearney dalam penerbitan *FDI Confidence Index 2012* yang menyaksikan Malaysia meningkat ke nombor 10 pada tahun 2012 di mana Malaysia naik dari nombor 20 pada tahun 2010.

Sebagaimana lazimnya, akan ada halangan dan cabaran dengan pelaksanaan projek-projek atau dasar. Halangan-halangan ini boleh datang dalam pelbagai bentuk samaada dari segi sumber, percanggahan pendapat pihak berkepentingan dan selainnya. Walau bagaimanapun, dengan struktur tadbir urus ditubuhkan dengan adanya 'Steering Committee' bagi setiap NKEA yang bertemu pada purata sebulan sekali, kebanyakan halangan-halangan ini dapat diselesaikan. Melalui mekanisme ini, Kerajaan yakin bahawa pelaksanaan ETP boleh berjaya.

**NO.SOALAN :**

**42 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN  
OSMAN**

**TARIKH 5 APRIL 2012**

**SOALAN:**

**YB Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [ Lipis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah pihak pengurusan dan kata putus dasar yang awal merangka skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) dan apakah pihak Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dilibatkan dalam merangka SBPA ini.

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Suatu dasar jangka panjang yang dirangka oleh Kerajaan memerlukan pengubahsuaian mengikut keperluan dan penerimaan keseluruhan kumpulan sasar. Seperti mana sistem-sistem saraan perkhidmatan awam sebelum ini, penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan melalui perundingan bersama antara Kerajaan dan kumpulan sasar supaya proses penjajaran dapat dilakukan bagi memenuhi keperluan kumpulan tersebut. Dalam keadaan yang sama SBPA ialah satu dasar yang perlu dibatalkan pelaksanaannya berdasarkan kehendak kumpulan sasar. Selanjutnya sebagai

memenuhi keperluan penambahbaikan sistem saraan secara berterusan dan menyeluruh, sebuah Suruhanjaya Khas akan dibentuk bagi tujuan ini.

Sekian, terima kasih.

kj0. ' k s

NO AiiM :-t2

~~-NQ AtIP-~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]

TARIKH 5 APRIL 2012

**JAWAPAN:**

RUJUKAN                      4527

**SOALAN :**

Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a)            langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyedarkan minda di kalangan masyarakat bagi membendung kesan negatif akibat demonstrasi jalanan; dan

(b)            apakah langkah penyelesaian secara total masalah PATI di negara ini.  
Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius berhubung isu demonstrasi jalanan yang kebelakangan ini banyak terjadi. Demonstarsi jalanan ini bukan sahaja membawa keburukan bahkan ianya juga memberi impak yang negatif terhadap keselamatan di dalam negara ini. Sehubungan dengan itu, bagi membendung demonstrasi jalanan, Kementerian dengan kerjasama semua agensi telah menjalankan beberapa langkah pencegahan seperti berikut:

- Pelaksanaan konsep “Community Policing” yang bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, telah memberi peluang kepada masyarakat untuk menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah bersama;
- Tindakan fizikal iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan bermotosikal di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai dan tindakan 'stop and talk' adalah dilihat berkesan. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik bersesuaian dengan konsep “Police Omnipresence”;
- Rondaan kereta peronda (MPV) juga telah dipertingkatkan dan diadakan sepanjang masa di kawasan yang menjadi tumpuan untuk golongan-golongan tidak bertanggungjawab melakukan demonstrasi jalanan. Sebarang laporan menggunakan Talian Hotline akan mendapat “Respond” yang cepat daripada anggota MPV yang bertugas 24 jam.
- PDRM telah mewujudkan Unit Risikan Bersepadu (*Central Intelligence Unit - CIU*) sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah yang dijalankan akan digunakan untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih efektif.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan untuk menangani isu kemasukan dan keberadaan warga asing secara tidak sah

**JAWAPAN:**

di dalam negara. Selain daripada inisiatif-inisiatif sedia ada yang dilaksanakan secara berterusan, antara penambahbaikan yang akan digerakkan melalui Program 6P dalam Proses Pemantauan dan Penguatkuasaan adalah seperti berikut:

- i. Menggerakkan secara bersepadu melibatkan semua agensi kerajaan berkaitan termasuk Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) selaku agensi penggerak utama;

Melibatkan badan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk dan lain-lain;

Mengguna pakai peralatan dan teknologi untuk memantapkan keberkesanan penguatkuasaan termasuk Sistem Penguatkuasaan dan Pendaftaran Nasional (NERS) yang akan diperkenalkan buat kali pertama. Sistem NERS akan membolehkan status warga asing disemak dalam masa nyata (*real time*) di lapangan melalui teknologi Nexcode. Di antara maklumat yang boleh diakses oleh pegawai penguatkuasaan di lapangan adalah profil warga asing, majikan, gambar, status keberadaan semasa termasuk tempoh sah laku pas dan permit, lokasi tempat tinggal dan tempat bekerja. Sistem ini akan dapat mengelakkan isu pemalsuan dokumen dan identiti. Bagi warga asing yang tidak membawa dokumen pula, status mereka akan tetap dapat disemak serta merta melalui data biometrik.

#### PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI  
(KUALA NERUS)**

**TARIKH**

**05.04.2012**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [ KUALA NERUS ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah jumlah lepasan UPSI yang masih belum ditempatkan di sekolah-sekolah

**JAWAPAN**

**Soalan No : 44**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) membuat penempatan guru-guru Lulusan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melalui perancangan yang teliti berdasarkan keperluan guru mengikut bidang dan jenis sekolah di setiap negeri.

Sehubungan itu, berdasarkan rekod KPM, sejumlah 3,017 graduan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) yang menamatkan pengajian pada tahun 2011 telah memohon untuk dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Kumpulan graduan ini sedang ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bersama graduan IPTA yang lain mulai 30 Januari hingga 16 Mac 2012.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MALASYIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HASBI BIN  
HABIBOLLAH (LIMBANG)**

**TARIKH : 5 APRIL 2012**

**SOALAN : 45**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan agar Kerajaan dapat menyambungkan program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) daripada Rh Sli, Mengari ke Pekan Nanga Medamit dan SMK Medamit dalam "Second Rolling Plan" RMK-10 kerana pada masa ini pelajar-pelajar asrama terpaksa menggunakan air dari Sungai Limbang dan Sungai Selu yang membahayakan keselamatan dan kesihatan mereka.

## **JAWAPAN**

**Tuan yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN). Sehubungan itu, Kementerian ini akan mempertimbangkannya dalam pelaksanaan projek BALB dalam Rolling Plan ke-3 (2013-2014) dan pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MALASYIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HASBI BIN**

**HABIBOLLAH (LIMBANG)**

**TARIKH : 5 APRIL 2012**

**SOALAN : 45**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan agar Kerajaan dapat menyambungkan program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) daripada Rh Sli, Mengari ke Pekan Nanga Medamit dan SMK Medamit dalam "Second Rolling Plan" RMK-10 kerana pada masa ini pelajar-pelajar asrama terpaksa menggunakan air dari Sungai Limbang dan Sungai Selu yang membahayakan keselamatan dan kesihatan mereka.

## **JAWAPAN**

**Tuan yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN). Sehubungan itu, Kementerian ini akan mempertimbangkannya dalam pelaksanaan projek BALB dalam Rolling Plan ke-3 (2013-2014) dan pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]  
TARIKH 5 April 2012  
SOALAN

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah penternak lembu dan kambing di negara ini dan sejauh mana mereka menyumbang dalam mengurangkan import daging.

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Bancian Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) tahun 2010, menunjukkan jumlah penternak lembu/kerbau di negara ini adalah seramai 69,524 orang manakala penternak kambing/bebiri pula adalah seramai 27,156 orang. Pengeluaran daging lembu/kerbau oleh penternak tempatan pada tahun 2011 adalah 48.83 ribu tan metrik iaitu bersamaan 29.02% tahap sara diri dan pengeluaran daging kambing pula adalah sebanyak 2.82 ribu tan metrik iaitu 11.28% tahap sara diri.

Memandangkan tahap sara diri pengeluaran daging lembu/kerbau dan daging kambing/bebiri di negara ini masih rendah, Malaysia bergantung kepada pengimportan daging daripada beberapa negara seperti India, Australia dan New Zealand. Melalui program-program pembangunan ternakan yang dijalankan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, pengeluaran daging lembu/kerbau oleh penternak-penternak dalam negara telah menunjukkan peningkatan sebanyak 32% iaitu daripada 42.1 ribu tan metrik pada tahun 2006 kepada 34.5 ribu tan metrik pada tahun 2009. Pengimportan daging lembu/kerbau juga telah dapat dikurangkan sebanyak 8% daripada 116 ribu tan metrik kepada 106 ribu tan metrik pada tempoh masa yang sama.

Subsektor penternakan kambing/bebiri juga telah menunjukkan trend peningkatan sebanyak 69% dengan pengeluaran daging tempatan pada tahun 2006 di tahap 1.6 ribu tan metrik kepada 2.7 ribu tan metrik pada tahun 2011. Walau bagaimanapun pengeluaran daging kambing/bebiri yang meningkat dari tahun ke tahun tidak mampu menampung permintaan tempatan yang meningkat, menyaksikan bilangan import daging kambing/bebiri meningkat daripada 16.3 ribu tan metrik pada tahun 2006 kepada 20 ribu tan metrik pada tahun 2011.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 5 APRIL 2012 (KHAMIS)

DARIPADA Y.B. TUAN WONG HO LENG  
[SIBU]

### **SOALAN**

**Y.B. TUAN WONG HO LENG [SIBU]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Balai Bomba SibU yang tidak dilengkapi peralatan keselamatan yang mencukupi. Nyatakan kakitangan dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Balai Bomba SibU dan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kecekapan Balai Bomba SibU. Nyatakan kerugian yang diakibatkan oleh kebakaran dalam 5 tahun yang lalu.



## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini bandar Sibu mempunyai 2 buah balai iaitu di Sibu Sentral dan di Sungai Merah. Kedua-dua balai ini mempunyai keanggotaan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan tugas pemadaman kebakaran dan menyelamatkan dengan berkesan. Maklumat lanjut mengenai kedua-dua balai berkenaan adalah seperti berikut:-

### Balai Bomba dan Penyelamat Sibu Sentral

- |                                    |   |
|------------------------------------|---|
| i) Bilangan anggota                | 62 orang                                  |
| ii) Bilangan jentera-jentera Bomba | 2 unit jentera bomba                      |
| iii) Kelengkapan-kelengkapan lain  | 2 unit bot penyelamat<br>3 unit motosikal |

### Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Merah

- |  |   |
|--|---|
| i) Bilangan anggota                        | 2 unit jentera bomba  |
| ii) Bilangan jentera-jentera Bomba         | 1 unitTangga Cakraputar 1<br>unit jentera <i>Rapid Rescue</i> |
| iii) Kelengkapan-kelengkapan lain 39 orang | 3 unit bot penyelamat   |

- b) Jumlah kerugian yang diakibatkan oleh kebakaran di kawasan Sibu bagi tempoh lima tahun yang lalu adalah sebanyak RM21,923,583.63 (atau purata RM 4 juta setahun).

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Mac 2012

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA  
BELAS \_\_\_\_\_(2012)\_\_\_\_\_**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' SRI IR.**

**MOHD ZIN BIN MOHAMED**

**[SEPANG]**

**TARIKH 5 APRIL 2012**

**SOALAN**

**Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah iklan setiap produk makanan, minuman dan barangan kegunaan harian yang disiarkan di media massa terutama televisyen mempamerkan logo pengesahan halal dan nyatakan adakah Kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bercadang mewajibkan iklan memaparkan tanda halal demi kepentingan pengguna Islam.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua iklan yang disiarkan di media elektronik dikawal oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri. LPF akan membuat pemeriksaan ke atas semua iklan yang menggunakan logo halal. Setiap iklan bagi produk

yang mempamerkan logo halal adalah tertakluk sama ada produk berkenaan mempunyai sijil halal atau tidak.

Sekiranya produk berkenaan tidak mempunyai pensijilan halal Malaysia yang sah, pihak LPF tidak akan membenarkan atau meluluskan tayangan iklan yang menggunakan logo halal Malaysia.

Jika terdapat iklan yang menggunakan selain logo atau ungkapan halal selain logo halal Malaysia tetapi tidak mempunyai pensijilan halal Malaysia yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) , maka ia merupakan satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN  
DARI PAD A     JAWAB LISAN  
TARIKH         TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR 5 APRIL 2012  
SOALAN         (KHAMIS)  
                  NO. 49

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah pelajar daripada Kelantan yang telah mengambil pinjaman PTPTN sejak tahun 2005. Berapakah jumlah nilai pinjaman mengikut tahun dan apakah Kementerian tidak bercadang untuk menggantikan pinjaman PTPTN kepada biasiswa bagi pelajar berasal dari Kelantan dengan menggunakan peruntukan wang ihsan/royalti minyak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2012, PTPTN telah meluluskan sebanyak 1,942,780 pembiayaan pendidikan kepada semua pelajar yang layak di IPT dengan jumlah keseluruhan amaun sehingga pelajar tamat pengajian sebanyak RM43.2 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 128,672 pembiayaan pendidikan telah diluluskan kepada pelajar yang berasal daripada negeri Kelantan

dengan amaun keseluruhan yang terlibat sebanyak RM2.8 bilion.

Pecahan pembiayaan kepada pelajar negeri Kelantan mengikut tahun dan amaun terlibat adalah seperti berikut:

#### Statistik Kelulusan Pembiayaan PTPTN Kepada Pelajar Negeri

Tahun Kelulusan	Pelajar Kelantan	
	Bilangan Pembiayaan	Amaun Keseluruhan (RM 'Juta)
2005	14,768	266.51
2006	16,109	335.22
2007	17,052	382.84
2008	16,421	385.95
2009	19,106	471.14
2010	22,611	511.02
2011	21,030	449.90
2012	1,575	27.66
<b>Keseluruhan</b>	<b>128,672</b>	<b>2,830.24</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian masih tidak mempunyai cadangan untuk menggantikan pinjaman PTPTN kepada biasiswa bagi pelajar yang berasal dari Kelantan dengan menggunakan peruntukan wang ihsan/royalti minyak. Walau bagaimanapun, PTPTN telah melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah (pengecualian bayaran balik) bagi peminjam yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama atau setaraf

mulai tahun 2003 sebelum dihentikan pada 1 Julai 2005 berikutan kedudukan kewangan PTPTN yang terhad. Dasar ini telah diperkenalkan semula mulai Januari 2010 sebagaimana pengumuman YAB Perdana Menteri semasa sesi pembentangan Bajet 2010 yang lalu. Langkah ini adalah atas keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar cemerlang di IPT dan menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap usaha melahirkan modal insan yang berilmu, galakan kepada pelajar serta hasrat Kerajaan memberi ganjaran kepada peminjam yang cemerlang dalam pendidikan.

#### **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
(KOTA RAJA)**

**TARIKH**

**05.04.2012**

**SOALAN:**

**Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menangani masalah lambakan guru subjek Sains dan Matematik diseluruh negara apakah pelan kontigensi untuk memastikan guna tenaga guru-guru inimasih dapat dimanfaatkan oleh para pelajar dan Kementerian.**

#### **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan penempatan guru di sekolah-sekoiah adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan dan opsyen**

guru tersebut. Walau bagaimanapun, KPM mengakui terdapat lebih guru-guru opsyen Sains dan Matematik dan pada masa yang sama pula berlaku pengurangan dalam bidang tertentu seperti Sejarah dan Bahasa Inggeris.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengambil langkah proaktif bagi mengatasi masalah itu dengan melaksanakan Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) Bagi Guru Opsyen Sains Tulen, Matematik dan Ekonomi. Program Intervensi ini bertujuan untuk meningkatkan kepakaran guru-guru daripada opsyen yang dikenalpasti berlebihan dalam perkhidmatan untuk mengajar mata pelajaran yang lain yang diperlukan seperti bidang Sejarah, Kemahiran Hidup, Bahasa Melayu, Pendidikan Jasmani dan Geografi yang dimaklumkan kurang dalam sistem pendidikan buat masa ini. Kursus dilaksanakan selama 12 minggu di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terpilih melalui mod seperti berikut:

- i. *Face to face interaction* : 6 minggu;
- ii. *Weekend off-campus* : 1 minggu; dan
- iii. *Off-campus* : 5 minggu.

Sijil Tambah Opsyen dianugerahkan kepada peserta kursus bagi membolehkan mereka mengajar mata pelajaran selain daripada opsyen asal. Sijil ini juga melayakkan peserta untuk memindah kredit sekiranya melanjutkan pengajian. Pada tahun 2011, seramai 570 guru telah mengikuti PITO dan pecahan mengikut bidang adalah seperti berikut: Sejarah (150 guru); Bahasa Melayu (120 guru); Kemahiran Hidup (120 guru); Pendidikan Jasmani & Kesihatan (120 guru) dan Geografi (60 guru).

KPM yakin dengan terlaksananya PITO, maka isu lambakan gurukhususnya bagi mata pelajaran Sains dan Matematik akan dapat ditangani dengan

**SOALAN NO : 51**

**sebaiknya dan guna tenaga guru ini akan dapat dimanfaatkan oleh pelajar dan negara.**

**Rjm 80**



**PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA :TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]**  
**TARIKH :5 APRIL 2012 (KHAMIS)**  
**SOALAN :Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**

**TANI menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil Kerajaan untuk menggalakkan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan dalam sektor akuakultur untuk memperkenalkan Sabah dan Parlimen Silam khususnya, sebagai hub akuakultur negara.**

**JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Bagi industri rumpai laut, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan program kerjasama penyelidikan dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi-institusi Penyelidikan Kerajaan bagi membangunkan teknologi pengecaman dan penghasilan benih rumpai laut berkualiti, teknologi pengkulturan mesra alam sekitar, teknologi pengeringan dan pemprosesan rumpai laut kepada produk makanan, produk farmaseutikal dan nutraceutical. Usaha ini akan meningkat daya saing industri rumpai laut negara kepada sebuah industri yang mempunyai rantai nilai yang lengkap bagi menarik penglibatan syarikat swasta.**

**Pada bulan Februari 2012, pihak Jabatan Perikanan Malaysia telah menjalankan kajian hidrografi dan bathimetri di perairan Semporna, Lahad Datu, Kunak hingga ke Merotai, Tawau. Kajian tersebut di antara lain telah menilai kesesuaian tapak, keadaan arus dan spesies yang sesuai untuk ternakan di kawasan-kawasan tersebut seperti rumpai laut, ikan dan kerang-kerangan. Hasil kajian ini kelak akan membantu penternak dan pihak pelabur**

untuk datang

SOALAN NO : 51

melabur atau membesarkan usaha akuakultur sedia ada seperti di kawasan Silam. Seperti mana YB sedia maklum, kawasan Silam terkenal dengan aktiviti ternakan ikan dalam sangkar dan hatceri pengeluaran benih ikan laut yang berskala komersial.

Di bawah program NKEA EPP#3 Rumpai Laut, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah meluluskan sebuah syarikat peneraju bagi penanaman rumpai laut secara komersial. Pada masa ini syarikat tersebut sedang menjalankan kajian sebelum melaksanakan penanaman secara besar-besaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI DR. FONG CHAN ONN (ALOR GAJAH)  
: LISAN  
**PERTANYAAN** : 05.04.2012  
**TARIKH**

**Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN [ ALOR GAJAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam perdagangan emas, perak dan dagangan komoditi berharga lain secara fizikal dalam negara untuk mencegah penipuan dan melindungi harta orang ramai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bank-bank yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 dan Akta Perbankan Islam 1983 adalah dibenarkan untuk menjual dan membeli emas sebagai salah satu dari produk perbankan mereka. Bank-bank yang dilesenkan ini hendaklah mematuhi Garis Panduan untuk Pengenalan Produk Baru termasuk membuat penilaian risiko dan mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Risiko mereka sebelum memperkenalkan produk tersebut.

2. Secara umumnya, produk yang ditawarkan oleh bank-bank yang dilesenkan ini adalah berbentuk akaun simpanan atau akaun pelaburan emas. Produk ini memberi pengguna fleksibiliti untuk membuat dan mengeluarkan simpanan atau pelaburan mereka dalam bentuk emas bergantung pada terma dan syarat yang telah dipersetujui. Akaun simpanan dan pelaburan emas yang

ditawarkan oleh bank-bank yang dilesenkan ini adalah bersandarkan transaksi emas yang dilakukan melalui rangkaian perdagangan emas yang bertindak sebagai kustodian bagi pihak bank.

3. Terdapat juga entiti-entiti lain selain dari bank-bank yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia yang menawarkan pelbagai skim pelaburan berasaskan emas dan perak. Entiti-entiti ini dikawal selia oleh pelbagai agensi seperti Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bergantung kepada ciri-ciri pelaburan tersebut sama ada berbentuk saham, skim berkepentingan (*interest scheme*) atau skim pelbagai tingkat (*multi-level*).

4. Orang ramai dinasihati agar sentiasa berwaspada apabila melakukan transaksi berhubung perdagangan emas bagi memastikan simpanan dan pelaburan mereka selamat. Bank Negara Malaysia melalui program-program kesedaran dan pendidikan pengguna sering menasihati orang ramai supaya berhati-hati dan sentiasa melakukan usaha wajar (*due diligence*) agar tidak mudah terpengaruh kepada unsur-unsur penipuan khususnya skim-skim pelaburan yang menawarkan pulangan yang lumayan tetapi tidak dapat bertahan dan akhirnya merugikan pelabur.

5. Sekiranya orang ramai menghadapi sebarang masalah, mereka boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di alamat berikut:

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Tingkat bawah, Blok D

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

BNMTELELINK

Jabatan LINK & Pejabat wilayah

Bank Negara Malaysia Peti

Surat 10922 50929 Kuala

Lumpur

Tel: 1-300-88-5465

Faks: 603-21741515 E-mel :

[bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN

**NO. SOALAN: 53**

OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHD. ABDUL WAHID BINENDUT  
[KUALA TERENGGANU]

TARIKH 05 APRIL 2012

SOALAN

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status terkini pembinaan Hospital baru untuk Daerah Dungun, Daerah Marang dan Daerah Baru Kuala Nerus.

Tuan Yang di-Pertua,  
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia pada 22 Februari 2012 bagi membina Hospital Dungun melalui Pakej Rangsangan Khas di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta II (PFI II). Kementerian Kesihatan kini sedang menyediakan ringkasan projek *{project brief}* berdasarkan peruntukan sebanyak RM150 juta yang diluluskan.



Bagi Cadangan Pembinaan Hospital Marang, KKM perlu mengenalpasti tapak dan urusan pemilikan tanah sebelum dapat mengemukakan cadangan pembinaan hospital yang baru. Perkara tersebut merupakan pra-syarat untuk projek-projek yang ingin dipohon dalam RMKe-10.

Sementara menunggu urusan berkaitan cadangan tapak hospital, pihak KKM turut memohon pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Marang untuk dilaksanakan dalam *Rolling Plan* Pertama, RMKe-10 dan *Rolling Plan* Kedua, RMKe-10 namun, disebabkan kekangan peruntukan maka cadangan ini tidak dapat diluluskan.

Pihak KKM akan memohon semula untuk projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) Marang ini dalam RMKe-10 dan diharap sekiranya diluluskan, sedikit sebanyak ia dapat menampung keperluan kesihatan penduduk di Daerah Marang buat masa terdekat sebelum sebuah hospital di Daerah Marang dapat dibina kelak.

Bagi cadangan pembinaan projek Hospital Daerah Kuala Nerus, tiada dalam perancangan Kementerian Kesihatan memandangkan sebuah Hospital Universiti iaitu Hospital Universiti Sultan Zainal Abidin di bawah Kementerian Pengajian Tinggi telah diluluskan pelaksanaannya dan akan dibina di kawasan Gong Badak.

### **PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**NO. SOALAN : 54**

**DARIPADA**

**TUAN KARPAL SINGH**

**[BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH**

**5 APRIL 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai lawatan rasmi beliau ke negara-negara lain sejak beliau menjadi Perdana Menteri, perbelanjaan yang terlibat dan pelaburan yang diperolehi daripada negara-negara tersebut sebagai hasil daripada lawatan tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, YAB Perdana Menteri telah mengadakan **15 lawatan rasmi** keluar Negara semenjak beliau memegang jawatan tersebut pada 3 April 2009.

Negara-negara yang telah dikunjungi beliau adalah seperti berikut:-

- i) Indonesia (21-24 April 2009)
- ii) Brunei (28 April - 1 Mei 2009)
- iii) China (2-5 Jun 2009)
- iv) Thailand (6 - 10 Dis 2009)
- v) Emiriyah Arab Bersatu (17-19 Jan 2010)
- Vi) India (20-24 Jan 2010)
- vii) Jepun (18-21 April 2010)
- viii) Kemboja (9-11 Mei 2010)
- ix) Laos (2-4 Jun 2010)
- x) Turki (21-23 Feb 2011)
- xi) Australia (2-4 Mac 2011)
- xii) Republik Korea (4-6 April 2011)

- xiii) Qatar (14-15 Mei 2011)
- xiv) Kazakhstan (2-9 Jun 2011)
- xv) Turkmenistan (11-12 Julai 2011)
- xiii) Myanmar (28-29 Mac 2012)

Senarai tersebut tidak termasuk lawatan-lawatan kerja, atau dengan izin '*working visit*' yang perlu dilakukan disebabkan mesyuarat-mesyuarat tertentu, sama ada diperingkat dua hala atau pun pelbagai hala.

Untuk makluman lanjut Dewan yang mulia ini, berbanding tahun 2010 dan 2011, pelaburan langsung asing telah meningkat sebanyak 12.3% kepada RM33 bilion. Manakala pelaburan swasta pula telah menunjukkan peningkatan sebanyak 19% kepada RM94 bilion.

Tambahan itu, laporan World Economic Forum bagi Tahun 2012 telah menyaksikan Malaysia naik telah meningkat lima (5) anak tangga dalam senarai daya saing ekonomi dunia berbanding tahun sebelumnya. Malaysia juga hari ini adalah antara 21 buah negara paling kompetitif ekonominya di dunia. Manakala, Bank Dunia di dalam laporannya "Doing Business 2012" pula telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara yang ke-18 paling mudah memulakan atau menjalankan urusanniaga. Malaysia juga telah diiktiraf sebagai 10 negara teratas dalam Indeks Keyakinan Pelaburan Langsung Asing bagi Tahun 2012.

## **NO. SOALAN : 55**

Lawatan-lawatan YAB Perdana Menteri Malaysia ke negara-negara tersebut yang berkepentingan dari segi politik dan ekonomi telah membawa banyak manfaat kepada Malaysia dalam meningkatkan aktiviti ekonomi duahala, termasuk pelaburan di pelbagai sektor yang telah dikenalpasti, untuk mempergiatkan pembangunan Malaysia dalam mencapai taraf sebuah Negara maju menjelang tahun 2020.

Sekian, terimakasih.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM**

**[KUALA KEDAH]**

**TARIKH**

**5 APRIL 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung cadangan dan pelaksanaan mengisytiharkan harta dan aset Menteri Kabinet kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memastikan integriti dalam

pentadbiran Kerajaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebenarnya Kerajaan telah lama mengamalkan proses pengisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran. Pengisytiharan harta yang diwajibkan pula bukan terhadap kepada Anggota pentadbiran sahaja seperti yang dilakukan oleh pihak tertentu, sebaliknya bersifat menyeluruh dan turut melibatkan ahli keluarga terdekat. Setiap Anggota Pentadbiran diwajibkan mengisytiharkan harta diri serta harta keluarga terdekat kepada YAB Perdana Menteri. Setiap tambahan atau pelupusan harta juga wajib diisytiharkan. Tambahan lagi kesemua pengisytiharan harta yang berkenaan dibuat secara berkanun (**statutory declaration**).

Pada 27 Febuari yang lalu YAB Perdana Menteri telah mengumumkan persetujuan Kerajaanagar Ketua Pesuruhjaya SPRM mempunyai akses penuh kepada dokumen-dokumen pengisytiharan harta mana-mana Anggota Pentadbiran dan akan memantau pertambahan harta, *liability* dan pelupusan semasa beliau memegang jawatan. Setiap tambahan atau pelupusan harta wajib diisytiharkan setiap 2 tahun. Ini mencerminkan keterbukaan dan kesediaan Kerajaan membantu fungsi dan peranan SPRM selaku pihak berkuasa dalam pencegahan rasuah selain membuktikan komitmen kerajaan memerangi jenayah rasuah secara total dan di semua peringkat.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 56**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH

TARIKH: 5 APRIL 2012

SOALAN:

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah pekerja di sektor swasta mengikut kumpulan pekerja (occupational groups) dan kaum pada tahun 2010 berdasarkan penyiasatan-penyiasatan (surveys) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan langkah-langkah konkrit untuk membetulkan ketidakseimbangan itu agar selaras dengan prinsip keterangkuman.

PR-1251-L47635

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat sebanyak 6.691.8 juta pekerja swasta di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 86.4% adalah merupakan warganegara Malaysia manakala 13.6% mewakili bukan

warganegara Malaysia (asing). Bagi pekerja swasta mengikut kategori kaum, terdapat 49.5% kaum Bumiputera, 27% kaum Cina, 8.7% kaum India dan 1.1% adalah lain-lain kaum. Bagi maklumat

yang lebih terperinci mengenai pekerja swasta di Malaysia mengikut kategori pekerjaan dan kaum seperti berikut:

**Jadual 1 : Taburan Peratus Penduduk Bekerja (Pekerja Swasta Mengikut Pekerjaan Dan Kumpulan Etnik Malaysia, 2010)**

Kategori Pekerjaan	Bilangan Pekerja	WARGANEGARA(%)							BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA (%)
		JUMLAH	BUMIPUTERA			CINA	INDIA	LAIN-LAIN	
			JUMLAH	MELAYU	BUMIPUTRA LAIN				
<b>JUMLAH</b>	<b>6,691,800</b>	<b>86,400</b>	<b>49.5</b>	<b>41.4</b>	<b>8.1</b>	<b>27</b>	<b>8.7</b>	<b>1.1</b>	<b>13.6</b>
Penggubal Undang-undang, pegawai kanan dan pengurus	334,600	96,400	38.9	36.4	2.4	47.7	9.1	0.7	3.6
Profesional	354,600	96,900	43.2	40.4	2.8	43.1	10.3	0.4	3.1
Juruteknik dan profesional bersekutu	922,600	97,000	55.3	49.8	5.5	31.7	9.4	0.7	3.0
Pekerja perkeranian	866,800	98,600	51.5	44.	7.5	38	8.3	0.8	1.4
Pekerja perkhidmatan dan pekerja kedai dan jurujual	1,101,700	91,100	51.8	41.7	10.1	32.4	6	1	8.9
Pekerja mahir pertanian dan perikanan	336,800	31,200	22.2	15.5	6.7	3.3	3.8	1.9	68.8
Pekerja pertukangan dan yang berkaitan	778,800	87,500	47.4	35.9	11.5	33.4	5.4	1.3	12.5
Operator loji dan mesin serta pemasangan Pekerjaan asas	1,146,400	87,100	57.2	49.3	7.9	14.2	14.9	0.8	12.9
	849,600	67,600	47.5	36.2	11.3	10	7.7	2.4	32.4

**Punca : Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia**

2. Kerajaan sentiasa menggalakkan sektor swasta mengamalkan sikap keterbukaan dalam pengambilan pekerja. Pengambilan pekerja bagi sektor swasta harus dibuat berdasarkan kepada tahap pendidikan, kemahiran dan pengalaman seseorang tanpa prejudis.

Ini adalah sejajar dengan konsep 1 Malaysia yang didukung oleh Kerajaan Selangor. Pada itu, pihak swasta juga harus memainkan tanggungjawab sosial korporat mereka (*Corporate Social Responsibility*) melalui pengambilan pekerja tanpa mengira kaum.

3. Pada dasarnya, soal pengambilan pekerja adalah ditentukan oleh majikan mengikut keperluan syarikat mereka. Pihak majikan berhak untuk menentukan syarat-syarat pengambilan pekerja untuk mengoptimumkan pengeluaran dan perkhidmatan mereka untuk mengekalkan daya saing syarikat dalam pasaran mahupun di peringkat global. Namun demikian, kerajaan memainkan peranan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk memastikan pekerja-pekerja dilayan dengan adil dan saksama tanpa mengira kaum dengan membuat pemantauan ke atas majikan-majikan dan ini dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK).



**NO SOALAN : 57**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA**

**YB TUAN LIEW CHIN TONG  
(BUKIT BENDERA)**

**TARIKH**

**05.04.2012  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan alasan dasar dan kesan senarai hitam arahan Pejabat Menteri Pertahanan melibatkan individu dan agensi media online seperti Encik Lam Choong Wah (No. KP 781123086155), Merdeka Review, Malaysiakini dan Malaysian Insider.**



Tuan Yang di-Pertua,

**JAWAPAN:**

Kementerian Pertahanan tidak pernah mengeluarkan senarai hitam bagi mana-mana agensi atau pengamal media yang ingin membuat liputan di Kementerian Pertahanan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian Pertahanan dari masa ke semasa sentiasa meiakukan tapisan halus keseiamatan ke atas mana-mana individu yang berurusan dengan Kementerian ini. Warga tentera dan awam yang bekerja di Kementerian ini juga tidak terkecuali daripada aktiviti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian telah mendapati Encik Lam Choong Wah (No. KP 781123086155) tidak melepasi tapisan halus keseiamatan yang dilakukan oleh Kementerian ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB TUAN LIEW CHIN TONG  
(BUKIT BENDERA)**

**TARIKH 05.04.2012  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan alasan dasar dan**

**NO SOALAN : 57**

**kesan senarai hitam arahan Pejabat Menteri Pertahanan melibatkan individu dan agensi media online seperti Encik Lam Choong Wah (No. KP 781123086155), Merdeka Review, Malaysiakini dan Malaysian Insider.  
Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Pertahanan tidak pernah mengeluarkan senarai hitam bagi mana-mana agensi atau pengamal media yang ingin membuat liputan di Kementerian Pertahanan.**

**Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian Pertahanan dari masa ke semasa sentiasa melakukan tapisan halus keselamatan ke atas mana-mana individu yang berurusan dengan Kementerian ini. Warga tentera dan awam yang bekerja di Kementerian ini juga tidak terkecuali daripada aktiviti tersebut.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

## **JAWAPAN:**

**Pihak Kementerian telah mendapati Encik Lam Choong Wah (No. KP 781123086155) tidak melepasi tapisan halus keselamatan yang dilakukan oleh Kementerian ini.**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING (KULAI )</b>
<b>TARIKH</b>	<b>05.04.2012</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [ KULAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk membaik pulih dan menambah bilik darjah atau bangunan sekolah di seluruh daerah Kulai Jaya dalam 2012 dan pecahkan peruntukan kepada 3 kategori iaitu SK, SJKC dan SJKT.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan pendidikan tanpa mengira jenis sekolah. Hasrat Kerajaan adalah memastikan semua sekolah mempunyai kemudahan yang kondusif bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkualiti. Oleh itu, KPM berusaha untuk menyediakan peruntukan secukupnya bagi membantu menaik taraf semua sekolah-sekolah di negara ini

Sehubungan itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah merancang untuk melaksanakan 15 projek penyelenggaraan di bawah program Pakej Ransangan Khas (PRK) 2012 di daerah Kulai Jaya di bawah skop penyelenggaraan bangunan dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak

RM 2.185 juta. Daripada jumlah tersebut, sembilan (9) buah Sekolah Kebangsaan (SK), dua (2) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan empat (4) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Rjm 81

**NO. SOALAN:59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :**

**LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM  
[KAPAR]**

**TARIKH : 5 APRIL 2012**

**SOALAN**

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [ Kapar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pembinaan Lebuhraya Banting-Taiping melalui kawasan Parlimen Kapar serta nyatakan lokasi kawasan pembinaan plaza tol yang telah dirancang serta cadangan kadar kutipan tol di plaza-plaza tol di kawasan Parlimen Kapar.

**JAWAPAN**

Kerajaan berpandangan bahawa soalan berkaitan perincian projek dan terma-terma utama perjanjian wajar dijawab setelah perjanjian konsesi berhubung pelaksanaan projek ini ditandatangani.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

LISAN  
DATO<sup>1</sup> MOHD JIDIN BIN SHAFEE [ SETIU ]  
5 APRIL 2012 (KHAMIS)

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan terhadap pengusaha sarang burung walit dan apakah insentif serta galakan yang telah diberikan kepada pengusaha-pengusaha ini. Apakah juga permasalahan yang dihadapi oleh Kerajaan dan pengusaha dalam industri ini pada masa kini.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Industri sarang burung walit mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk di negara ini kerana harga sarang burung walit yang mahal di pasaran dapat memberi pendapatan yang lumayan kepada para pengusahanya. Kerajaan telah memberi perhatian serius dalam memajukan industri ini dengan menyediakan garis panduan dan menetapkan syarat-syarat kepada pengusaha sarang burung walit supaya industri ini dapat berkembang. Antara panduan dan syarat yang perlu dipatuhi para pengusaha sarang burung walit adalah:

- (i) berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), untuk semua pengusaha perladangan burung walit (premis bangunan atau gua), premis pemprosesan sarang burung walit, pusat-pusat jualan, serta pedagang (*traders*) dan pengeksport bagi tujuan kawalan penyakit iaitu selaras dengan keperluan Seksyen 18 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) [*Akta 647*]; dan
- (ii) mendapatkan kebenaran merancang mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Subseksyen 19(1) dan Seksyen 22(A) dan kelulusan lesen premis burung walit mengikut Seksyen 107, Akta Kerajaan Tempatan [*Akta 171*] di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan/Negeri.

Insentif juga ada disediakan di bawah Taraf Perintis (*Pioneer Status*) melalui Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*] di bawah *Malaysia Investment Development Authority* (MIDA) dengan syarat, mencapai peratusan aktiviti nilai tambah ditetapkan oleh MIDA dan mendaftar dengan DVS sebelum layak diberi pertimbangan untuk pemberian insentif ini.

Isu dan permasalahan yang dihadapi oleh industri sarang burung walit Malaysia pada masa kini adalah :

isu larangan pengeksporan sarang burung walit Malaysia ke Republik Rakyat China (RRC) ekoran kandungan nitrit yang tinggi;

keengganan pengusaha mematuhi panduan dan syarat yang ditetapkan oleh DVS ke atas premis perladangan yang menjejaskan aktiviti pendaftaran dan pemasangan sistem daya jejak (*radio frequency identification* - RFID) di premis-premis perladangan sarang burung walit di seluruh negara; dan

kejatuhan harga pasaran selepas ladang (*ex-farm*) akibat daripada larangan eksport sarang burung walit Malaysia ke RRC.

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA**

**TARIKH 5 APRIL 2012**

**SOALAN:**

**YB Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar terdapat pegawai-pegawai kanan Kerajaan termasuk yang bertaraf JUSA C hingga JUSA A yang berada dalam 'poo/<sup>1</sup> JPA begitu lama yang tidak diserapkan ke dalam jabatan Kerajaan tertentu dan sekiranya ya, berapakah jumlah mereka dan apakah tindakan yang bakal diambil.



JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini hanya terdapat 17 orang sahaja pegawai kumpulan pengurusan tertinggi yang masih berada di Jawatan Kumpulan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Daripada jumlah tersebut, tiga (3) orang daripadanya disebabkan sedang menghadapi prosiding tatatertib, dua (2) orang mengalami masalah kesihatan manakala bagi 12 lagi telah ditempatkan secara Penempatan Khas di Kementerian dan Jabatan bagi menjalankan tugas-tugas yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan berkenaan. Penempatan pegawai ke Jawatan Kumpulan dibuat atas sebab-sebab berikut:

- (i) menempatkan pegawai yang menghadapi prosiding tatatertib / mahkamah sebagai langkah "*preventive*" yang diambil demi menjaga kualiti perkhidmatan dan nama baik perkhidmatan awam; atau
- (ii) menempatkan pegawai yang menghadapi masalah kesihatan yang serius yang tidak membolehkan pegawai menjalankan tugas dengan baik; atau
- (iii) menempatkan sementara bagi pegawai yang tamat tempoh peminjaman ke agensi lain sebelum ditempatkan ke jawatan hakiki yang lain; dan atau

- (iv) penempatan khas di kementerian dan jabatan tertentu kerana menjalankan tugas atau projek mengikut keperluan dan kepakaran tertentu yang tiada mempunyai kekosongan jawatan hakiki termasuk mereka yang di dalam proses mendapatkan penempatan yang bersesuaian.

YAB Perdana Menteri di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesebelas (MAPPA XI) pada 9 Mac 2010 telah meminta supaya satu proses yang lebih komprehensif dalam melaksanakan penempatan pegawai ke Jawatan Kumpulan supaya mengandungi unsur hak untuk didengar dan dinilai secara berkecuali. Dalam melaksanakan keputusan tersebut, sebuah jawatankuasa berkecuali, iaitu Jawatankuasa Penilaian Pemantauan Prestasi (JPPP) ditubuhkan bagi urusan menilai keperluan penempatan mana-mana pegawai gunasama Persekutuan ke Jawatan Kumpulan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan lima (5) orang ahli bebas lain yang dilantik. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan berkompromi dalam hal-hal yang berkaitan dengan prestasi dan integriti penjawat awam.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 62**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. MICHAEL JAYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH: 5 APRIL 2012

SOALAN:

**Dr. Michael Jayakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan (serta peratusan) pekerja kilang yang kerja di kilang-kilang di Malaysia sebagai pekerja terus tuan punya kilang (direct employee), dan bilangan (serta peratusan) pekerja yang merupakan pekerja kontrak.

PR-1251-L49020

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja telah merekodkan sebanyak 690,773 majikan berdaftar pada tahun 2011 melalui Sistem *Labour Market Database (LMD)*. Dari jumlah tersebut, sebanyak 83,543 (12.15%) adalah majikan di sektor pembuatan atau perkilangan.

1

2. Bilangan pekerja pula, statistik dari Jabatan Perangkaan

Malaysia merekodkan pada tahun 2010, sebanyak 11,129,400 penduduk Malaysia adalah pekerja. Daripada jumlah ini, 1,879,700 atau 16.9% daripadanya adalah pekerja di sektor pembuatan yang merangkumi pekerja perkilangan.

3. Kementerian Sumber Manusia setiap 2 tahun sekali melakukan kajian Guna Tenaga Kebangsaan bagi mendapatkan maklumat mengenai aktiviti perburuhan negara. Berdasarkan kajian Guna Tenaga Kebangsaan tahun 2009 berkaitan pengambilan kerja secara terus oleh majikan mendapati sebanyak 182,513 (78.5%) majikan mengambil pekerja secara terus (***direct employee***) iaitu melibatkan 2,129,002 pekerja tempatan dan 494,987 pekerja asing.

2. Melalui kajian yang sama juga mendapati pengambilan pekerja oleh majikan di sektor perkilangan melalui cara penyumberluaran (***outsourcing***) mendapati sebanyak 7,907 (3.4%) majikan menggaji pekerja melalui penyumberluaran (*outsourcing*). Pekerja yang diambil melalui penyumberluaran ini melibatkan lebih ramai pekerja asing berbanding pekerja tempatan. Seramai 84,813 orang pekerja asing telah diambil secara *outsourcing* dan seramai 62,651 pekerja tempatan diambil secara *outsourcing*. Maklumat lengkap adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Bilangan Institusi mengikut Kaedah Penggajian, 2009**

<b>KAEDAH PENGGAJIAN</b>	<b>BIL. INSTITUSI</b>	<b>PERATUS %</b>	<b>BILANGAN PEKERJA TEMPATAN YANG DIAMBIL</b>	<b>BILANGAN PEKERJA ASING YANG DIAMBIL</b>	<b>NISBAH PEKERJA ASING KEPADA PEKERJA</b>
<b>Penyumber- luaran</b>	<b>7,907</b>	<b>3.4</b>	<b>62,651</b>	<b>84,813</b>	<b>1.4</b>
<b>Pekerja sambilan</b>	<b>10,989</b>	<b>4.7</b>	<b>65,399</b>	<b>5,050</b>	<b>0.1</b>
<b>Pengambilan langsung</b>	<b>182,513</b>	<b>78.5</b>	<b>2,129,002</b>	<b>494,987</b>	<b>0.2</b>
<b>Tidak dinyatakan</b>	<b>31,028</b>	<b>13.4</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>Jumlah bil. institusi</b>	<b>232,437</b>	<b>100</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

Sumber:

<sup>3</sup>enyata Guna Tenaga Kebangsaan

Malaysia



**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU**  
**PERTANYAAN DEWAN**  
**RAKYAT**

**PERTANYAAN :Lisan**  
**DARIPADA**

**:Tuan Tan Kok Wai [Cheras]**

**TARIKH**

**:5 April 2012**

**SOALAN**

**:Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah kos pengimportan makanan mulai tahun 2001 hingga 2011, strategi untuk mengurangkan bil import makanan dan bagaimanakah perkembangan projek pembangunan ternakan negara meliputi lembu, kambing, khinzir, ayam dan itik**

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI Tuan**

**Yang Dipertua**

- 1. Jumlah import bahan makanan telah meningkat daripada RM12.24 bilion pada tahun 2001 kepada RM34.45 bilion pada tahun 2011 dengan kadar purata kenaikan tahunan sebanyak 10.9%.**
- 2. Kementerian sentiasa serius dan komited mengenai jaminan bekalan makanan dalam negara (*food security*) kerana jaminan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan merupakan objektif utama Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020. Melalui DAN, sektor agromakanan lebih bersedia menghadapi cabaran dan menangani krisis sekiranya berlaku kerana strategi yang digariskan telah mengambil kira faktor-faktor di peringkat global dan dalam negara seperti peningkatan harga makanan dan input pertanian, perubahan iklim, pertambahan penduduk serta persaingan dengan industri bioteknologi.**
- 3. Untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara dan mengurangkan bil import, Kementerian melaksanakan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot**

Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian. Selain daripada itu, tanah pertanian akan digunakan secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri.

4. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) pula ditumpukan kepada R&D bagi peningkatan pengeluaran hasil secara mampan. Antaranya bidang tumpuan R&D adalah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau.

5. Kementerian juga akan terus membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran, meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta mengurangkan risiko perniagaan.

6. Selain usaha daripada pihak Kerajaan, inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara memerlukan penglibatan aktif pihak swasta. Bagi menggalakkan pihak swasta untuk terus melabur dalam pengeluaran makanan, insentif fiskal termasuk pelaburan semula dan baru di cadang diperluaskan meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Pinjaman mudah yang mencukupi akan disediakan melalui Agrobank dan Tekun dan akses kepada pembiayaan akan diperbaiki.

7. Mengenai pembangunan industri sektor ternakan, pengeluaran sektor ternakan menunjukkan peningkatan sebanyak 3.3% iaitu daripada 2.24 juta tan metrik (2010) kepada 2.31 juta tan metrik (2011). Antara komoditi yang menyumbang kepada kenaikan pengeluaran ternakan ialah daging lembu/kerbau sebanyak 4.65 juta tan metrik (2010) kepada 4.88 juta tan metrik (2011) dan daging kambing/ bebiri daripada 2.38 juta tan metrik (2010) kepada 2.74 juta tan metrik (2011).

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]
TARIKH	5 APRIL 2012 (KHAMIS)
SOALAN	64

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-

- (a) bilakah tarikh sebenar sistem Penguatkuasaan Automatik (*Automated Enforcement System*) akan dilaksanakan; dan
  - (b) nyatakan nama dua syarikat yang sudah dimuktamadkan untuk mengendalikan AES dan nyatakan juga bentuk model kewangan yang telah dipersetujui antara Kerajaan dan dua syarikat tersebut.
- Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan dan dua syarikat berkenaan telah menandatangani perjanjian konsesi bagi pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) pada 9 Disember 2011. Projek AES ini akan dilaksanakan secara berperingkat mulai bulan September 2012 yang mana pada masa ini pelaksanaannya masih di peringkat fasa rekabentuk (*design stage*).

Dua syarikat yang dilantik ialah syarikat A.T.E.S. Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd. Pembiayaan projek ini yang melibatkan kos pembangunan, operasi dan penyelenggaraan sistem adalah ditanggung sepenuhnya oleh syarikat berkenaan tanpa melibatkan implikasi kewangan

## **JAWAPAN**

kepada Kerajaan. Bayaran fi perkhidmatan kontrak kepada syarikat dibuat melalui tiga langkah.

Di bawah langkah pertama, bagi setiap saman yang telah dijelaskan, syarikat pelaksana akan dibayar sebanyak RM16 terhad kepada 5 juta saman yang dikeluarkan dalam setahun. Dalam langkah kedua, syarikat pelaksana akan dibayar 50% daripada baki hasil saman yang telah dikutip selepas ditolak bayaran di bawah langkah pertama terhad kepada RM270 juta setahun. Kerajaan juga akan mendapat jumlah yang sama dalam langkah ini. Di bawah langkah ketiga pula, syarikat pelaksana akan dibayar 7.5% daripada baki kutipan saman selepas ditolak bayaran dalam langkah pertama dan kedua. Baki sebanyak 92.5% merupakan milik Kerajaan.

Perlu ditegaskan di sini bahawa bukan menjadi hasrat Kerajaan untuk mengutip hasil daripada pelaksanaan projek AES. Projek AES adalah semata-mata untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dan mendidik pemandu supaya sentiasa menghormati dan mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Tan Sri Dato' Abd Khalid bin Ibrahim**

**[Bandar Tun Razak]**

**TARIKH**

**5 April 2012**

**SOALAN (70)**

**NO. SOALAN : 54**

**TAN SRI Dato ' Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta Perdana Menteri menyatakan apakah peranan Institut Integriti Malaysia (IIM) dalam menangani isu penyelewengan seperti yang berlaku dalam kes perbadanan Fidlot Nasional (NFC) yang jelas menunjukkan sifat bertanggungjawab dibelakangkan oleh menteri dan penjawat awam.**

**JAWAPAN :**

Pihak Institut Integriti Malaysia (IIM) berpendapat kes ini telahpun disiasat dengan menyeluruh dan telus oleh pihak berkuasa termasuk SPRM dan PDRM. Untuk makluman Yang Berhormat IIM diberi tanggungjawab dalam proses pembudayaan integriti kepada seluruh masyarakat. IIM menggunakan pendekatan pendidikan, konsultatif dan rundingcara melalui kursus, seminar, bengkel dan sebagainya bagi mendidik pelbagai sektor masyarakat termasuklah sektor awam dan sektor politik supaya menjadi warga yang berintegriti seterusnya membenci dan menjauhi semua perbuatan yang keji dan tidak bertanggungjawab.

Sekian. Terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA KAWASAN  
TARIKH NO. SOALAN

LISAN  
Dato<sup>B</sup> Kamarul Baharin bin Abbas Telok  
Kemang 05.04.2012 (KHAMIS)  
JBS' *bb*

### DATO<sup>8</sup> KAMARUL

#### BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG)

minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN **INDUSTRI** menyatakan penglifootan Malaysia daSam Perjanjian Trans-Pasific Partnership (TPP) dan manfaat kepada ekonomi negara.

### JAWAPAN

Tuan Yang DI Pertua,

Sehingga Mac 2012, mndingan *Trans-Pasifik Partnership* (TPP) yang melibatkan sembilan buah negara anggota iaitu Australia, Brunet, Chile, Malaysia, New Zealand, Peru, Singapura, Amerika Syarikat dan Viet Nam, telah melalui sebelas pusingan.

Skop rundingan TPP adalah luas dan **komprehensif**, Saitu merangkumi 20 kumpuSan kerja yang merurtdingkan pelbagai bsdang termasukSah akses pasaran, perkhidmatan, pelaburan, dasar persaingan, peroSehan kerajaan, hak harta sntelek, **buruh**, alam sekstar, kastam, kerjasama dan birsa upaya, remedi perdagangan s.erta **isu-** isu melintang atau *horizontal issues*, dengan fzin.

**Seperti mana daiam rundingan FTA lain, semua kementerian dan agensi berkenaan turut terlsbat bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan industri (Mill). Di samping itu, konsultasi berterusan diadakan dengan pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan untuk memastikan semua kepentingan diambil kira.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Perjanjian TPP yang sedang dirundingkan ini bakal memberikan manfaat yang besar kepada ekonomi negara memandangkan proses liberalisasi perdagangan membolehkan aktiviti perdagangan berjalan dengan lebih terbuka dan tanpa halangan. Secara umumnya, TPP menawarkan peluang ekonomi yang luas dan bertindak sebagai pemangkin untuk kesepaduan yang lebih mendalam bagi memajukan kerjasama ekonomi,**

liberalisasi dan kemudahan perdagangan serta pelaburan serantau. Ia akan meningkatkan daya saing Malaysia di rantau ini sebagai destinasi pelaburan pilihan.

Keanggotaan semasa TPP bakal mewujudkan satu pasaran tunggal atau a *single market*, dengan saiz yang luas dengan populasi seramai 466.9 juta orang di kalangan negara-negara anggota TPP. Malahan, potensi akses pasaran ini akan terus meningkat dengan adanya penambahan keanggotaan TPP dari kalangan negara Asia Pasifik. TPP ini juga dijangka akan membuka jalan bagi merealisasikan *Free Trade Area of the Asia Pacific* (FTAAP) di bawah Sidang Ekonomi Asia Pasifik (APEC). Perjanjian FTAAP dilihat berpotensi menjadi suatu blok ekonomi yang besar dengan potensi pasaran seramai 2.7 bilion orang, di mana jumlah perdagangan global keseluruhan negara-negara yang bakal menjadi ahli FTAAP akan mencecah hampir separuh jumlah perdagangan global dunia.

Tuan Yang Di Pertua,

Perjanjian TPP juga bakal memperuntukkan program-program substantif mengenai enterprais kecil dan sederhana (EKS) serta kerjasama dan bina upaya yang merupakan tuntutan berkepentingan bagi Malaysia.

Dengan menganggotai TPP, Malaysia akan dapat

mempertingkatkan kapasiti domestik dan daya saing industri bukan sahaja melalui persaingan tetapi juga melalui program bina upaya serta kerjasama ekonomi dan teknskai. Peruntukan di bawah bab kerjasama dan bina upaya akan dapat membantu Malaysia untuk memperoleh program perkongsian kepakaran dan teknologi yang berdaya maju.

Selain itu, rundingan mengenai peruntukan EKS dalam TPP akan meneliti langkah-langkah bersesuaian untuk membangun dan mempromosikan EKS ke pasaran antarabangsa. Ini seterusnya akan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk memperluas penglibatan EKS tempatan dalam rangkaian bekalan global.

Di samping itu, isu-isu melintang atau *horizontal issues*, dengan izin, yang dirundingkan turut melsputi kesepaduan peraturan bag! memudahkan kitaran pengeluaran dan pengedaran rangkaian bekalan barangan dan perkhidmatan di kalangan negara anggota TPP. Ini merupakan faktor penting yang akan dapat memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan dan hab pengeluaran pilihan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI  
(KAPIT)**

**TARIKH**

**05.04.2012**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [ KAPIT ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan dasar Kementerian untuk mengambil graduan jurusan pendidikan dari Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sebagai cikgu yang berkhidmat tetap di sekolah Kerajaan atau sekolah bantuan Kerajaan. Sila jelaskan mengapa terlalu ramai graduan ini yang pernah diambil untuk mengajar sementara tidak diserap ke dalam perkhidmatan untuk mengisi kekosongan yang sedia ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penempatan guru di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah berasaskan kepada kekosongan jawatan mengikut opsyen pengajaran dan graduan yang lulus temuduga pelantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).

KPM memberi keutamaan untuk mengambil graduan tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia, graduan Institut Pendidikan Guru (IPG) dan graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kerana latihan mereka telah diunjurkan lebih awal oleh KPM dan unjuran yang telah dimaklumkan oleh KPM kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) untuk melatih guru-guru bagi keperluan KPM. Latihan graduan IPTS di bidang pendidikan tidak diunjurkan

oleh KPM. Pada masa ini, tiada keperluan untuk mengambil mereka menjadi guru di sekolah-sekolah KPM.

Berhubung status graduan lepasan IPTS yang pernah diambil untuk mengajar sementara yang juga dikenali sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT). Untuk makluman, bagi tujuan pelantikan GSTT, calon perlu memenuhi beberapa syarat asas iaitu berumur kurang 35 tahun, memperoleh kepujian mata pelajaran Bahasa Malaysia peringkat SPM dan berkhidmat sekurang-kurangnya

2 tahun termasuk pada tahun 2010. Bagi GSTT siswazah untuk mengikuti KPLI/DP pula perlu memiliki Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan dan sesuai dengan opsyen yang dipohon.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : Y.B. TUAN KHALID BIN ABD SAMAD  
Rjm 82 (SHAH ALAM)

**PERTANYAAN** : LISAN

**TARIKH** : 05.04.2012

**Y.B. TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status pertukaran saham dan CCF di antara MAS dan AirAsia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, proses pertukaran saham Malaysian Airline System Bhd (MAS) dan AirAsia Bhd (AirAsia) telah selesai dilaksanakan sepenuhnya. Pada masa ini, MAS dan AirAsia akan meneruskan Rangka kerja Kolaborasi Komprehensif (CCF) untuk meneroka peluang kerjasama dalam pelbagai bidang dan menyelaraskan kepentingan ekonomi (*aligning economic interest*) syarikat-syarikat berkenaan dan juga kedua-dua pemegang saham utama. Langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan kos operasi syarikat diminimumkan adalah melalui perolehan bersama atau dengan izin, *joint procurement*, perkongsian peralatan dan perkhidmatan serta penyatuan aktiviti utama yang boleh membawa kepada kecekapan yang lebih tinggi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM  
(ARAU)**

**TARIKH**

**05.04.2012**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM [ ARAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan yang telah dipanjangkan kepada para pelajar menerusi Skim Bantuan Persekolahan Kementerian dan apakah bantuan tersebut akan dilanjutkan di tahun-tahun selepas ini.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Kerajaan sememangnya sedar akan keperluan bantuan yang diberi dan**

**Soalan No : 50**

**disediakan kepada semua lapisan rakyat agar dapat menikmati pendidikan yang baik serta sempurna tanpa mengira bangsa, kaum dan agama. Antaranya adalah Program Susu 1 Malaysia (PS1M), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), bantuan kewangan melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) serta Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPM). Segala bentuk bantuan yang disediakan oleh kerajaan diharap dapat membantu dan memastikan semua lapisan rakyat mendapat pendidikan yang lebih baik dan sempurna. Bagi keempat-empat jenis bantuan tersebut peruntukan sebanyak RM571.17 juta dan lebih daripada 1.475 juta murid yang mendapat mememanfaatnya.**

**Baru-baru ini Kerajaan turut juga menyediakan bantuan persekolahan RM100 kepada semua murid sekolah sama ada di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan malah murid-murid di sekolah swasta juga menerima limpahan kemudahan tersebut. Cadangan untuk meneruskan pemberian bantuan RM100 kepada semua murid pada masa akan datang, akan dikaji kerana ia mempunyai implikasi kewangan yang besar.**

**Sesungguhnya segala bentuk bantuan yang disediakan oleh KPM adalah terbuka kepada semua murid warganegara Malaysia yang bersekolah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan bagi memastikan semua lapisan masyarakat dapat menikmati pendidikan yang berkualiti ke arah mencapai negara yang berpendapatan tinggi menjelang 2020.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN**

Pertanyaan

Daripada Tarikh

Menjawab  
Soalan

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]**

5 April 2012 (Khamis)

No. 70 (PR-1251-L47963)

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah jumlah pegawai TUNAS (Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit) yang terdapat di Sarawak dan adakah pihak berkenaan dapat menempatkan pegawai tersebut di kawasan Parlimen Miri dan Sibuti untuk membolehkan petani kecil mendapat khidmat nasihat bagi meningkat hasil tanaman sawit mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Sehingga 1 Mac 2012, seramai 36 orang pegawai TUNAS telah ditempatkan di seluruh negeri Sarawak. Penempatan Pegawai TUNAS Kawasan adalah berdasarkan kepadatan pekebun kecil sawit di kawasan berkenaan. Pada masa ini anggaran nisbah pegawai TUNAS kepada pekebun kecil adalah 1:600 orang.

Bagi Parlimen Miri, terdapat tiga orang Pegawai TUNAS yang ditempatkan di Pejabat MPOB Miri. Manakala, Parlimen Sibuti mempunyai seramai empat orang Pegawai TUNAS yang ditempatkan di Pejabat MPOB Batu Niah. Dijangkakan mulai 15 April 2012, dua orang Pegawai TUNAS lagi akan ditempatkan masing-masing di Pejabat MPOB Miri dan Batu Niah.

Kementerian yakin, dengan penempatan Pegawai Tunas tambahan di Miri dan Batu Niah, para pekebun kecil sawit di kedua-dua kawasan Parlimen i akan mendapat perkhidmatan yang sewajarnya.



**NO. SOALAN: 71**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB TUAN CHONG CHIENG JEN**

**[BANDAR KUCHING]**

**TARIKH 5 APRIL 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa kes mengenai tuntutan Native Customary Right yang telah difailkan oleh penuntut-penuntut di Mahkamah Tinggi di Sarawak sejak tahun 1990. Berapa daripada kes-kes itu telah habis dibicarakan di peringkat Mahkamah Tinggi dan berapa kes tersebut telah dirayu ke Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan.**

**JAWAPAN YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sejak tahun 1990 sehingga 29 Februari 2012, sebanyak 231 kes mengenai tuntutan Native Customary Right telah difailkan di Mahkamah Tinggi Sarawak. Daripada jumlah tersebut sebanyak 161 kes telah diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi sementara 70 kes lagi masih belum selesai dibicarakan.**

**Berkenaan dengan rayuan pula, sebanyak 37 kes telah difailkan di Mahkamah Rayuan dan hanya 2 kes difailkan di Mahkamah Persekutuan.**

**Sekian, terima kasih.**

**NO. SOALAN: 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**